



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 4 Hari Khamis 4hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong -
Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria (Ruangan 30)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 43)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) (Ruangan 89)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 4hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEGAWAI KERAJAAN - UCAPAN DI PERHIMPUNAN

1. **Tuan Ng Ah Poi** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian pegawai Kerajaan telah membuat ucapan yang akan menyebabkan bangsa lain merasa bimbang dan tak senang hati di perhimpunan yang terdiri dari sesuatu suku bangsa sahaja. Jika sedar, maka apakah rancangan dan langkah-langkah yang akan diambil supaya pegawai berkenaan dilarang menimbulkan perasaan curiga di antara bangsa-bangsa negara kita yang telah begitu bersatupadu dan bergaul seperti adik beradik atau ahli-ahli sekeluarga semenjak kemerdekaan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tindakan pegawai dan kakitangan Kerajaan, yang melibatkan tugas-tugas seharian di pejabat atau bila berdepan dengan orang ramai adalah tertakluk dalam kawalan Perintah Am Bab 'D' 1980 Kelakuan dan Tatatertib. Peraturan yang terkandung dalam Perintah Am ini akan memastikan setiap tindak-tanduk pegawai dan kakitangan Kerajaan, sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Se-
laras dengan ini juga, Ethika Perkhidmatan Awam telah dilancarkan di mana semua anggota perkhidmatan awam dikehendaki mematuhi dan

mengamalkannya demi mencapai perkhidmatan cemerlang dalam prestasi mereka. Semua peraturan dan langkah-langkah memperkemaskinikan pentadbiran awam ini bermatlamatkan supaya perkhidmatan awam sentiasa cekap dan berdisiplin.

Dalam sematgat inilah pegawai-pegawai Kerajaan diingatkan supaya tidak membangkitkan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan mana-mana satu kaum dalam ucapan mereka. Pada keseluruhannya Kerajaan berpuas hati bahawa arahan ini dipatuhi oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersejaja supaya sesuatu ucapan daripada mana-mana pihak pun bukan sahaja daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang dilarang daripada melahirkan ucapan menyinggung perasaan mana-mana satu golongan. Cuma soalan saya, sebelum daripada tindakan harus diambil kepada sesiapa yang akan berucap, apakah Kerajaan sudah menggariskan tahap mana, bahagian mana, perkara mana yang hendak dianggap sebagai menyinggung perasaan sesuatu kaum.

Dato' Abdul Ajib bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya boleh bertindak di dalam soal ini berhubung dengan tindakan pegawai-pegawai Kerajaannya dan sepertimana yang saya nyatakan tadi, syarat-syarat ataupun tindakan-tindakan yang boleh melanggar peraturan-peraturan Kerajaan yang membenarkan Kerajaan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawainya adalah jelas seperti yang terkandung di dalam Perintah Am Bab 'D' 1980.

HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA - KAJIAN SEMULA

2. **Tuan Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengkaji semula hubungan negara ini dengan Singapura berikutan dengan lawatan Presiden Israel ke negara itu.

10.12.1986

1. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kesan lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura dapat di rasai oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) apakah sikap Kerajaan Malaysia terhadap Singapura dan Filipina (keanggotaan ASEAN) yang menjemput dan membenarkan lawatan Presiden Israel itu, pada hal ASEAN terkenal dengan dasar kesederhanaan dan sokongan terhadap resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pertikaian Arab-Israel.

17.12.1986

17. **Tuan Haji Hussein bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan menyedari hubungan keluarga di dalam Asia tidak melibatkan campurtangan di antara satu negara dan negara-negara lain utama ikatan mengapa harmonian atau satu-satu yang penting negara kita Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik bahkan anti Kerajaan jenis Israel. Khabarnya Presiden Israel akan melawat Singapura tidaklah ini mengikut menyinggung Kerajaan mengikut perasaan di Malaysia.

19.12.1986

11. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adalah kemungkinan terdapat percanggahan pendapat atau menjejaskan hubungan baik antara negara-negara ASEAN dengan adanya lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin, ingin menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman pada 10hb dan 19hb Disember dan Yang Berhormat Haji Hussein bin Ahmad pada 17hb Disember kerana soalan-soalan tersebut ada kaitan dengan soalan yang dibangkitkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun lawatan Presiden Israel ke Singapura merupakan urusan dalam negeri Singapura sendiri, namun demikian lawatan tersebut adalah satu perkara yang peka kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia telah melahirkan perasaan tentangan yang kuat terhadap lawatan tersebut dan Kerajaan Singapura yang tidak sensitif dan mengambil kira perasaan negara jirannya.

Indonesia dan Brunei mengambil pendirian yang sama membantah lawatan tersebut. Kerajaan Malaysia telah membuat tindakan-tindakan yang melahirkan perasaan tidak senang dan kecewa negara ini di atas lawatan Presiden Israel itu.

Adalah kurang tepat pada masa ini untuk menyatakan lawatan tersebut tidak menjejaskan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura. Kajian dan susulan dalam semua aspek memang sedang dan akan dijalankan. Namun demikian Malaysia dan Singapura adalah saling bergantung dan harus hidup bersama bagi memperolehi hubungan dua hala yang bermakna.

Mengenai ASEAN, Kerajaan Malaysia mengambil tindakan seolah-olah perhubungan di dalam ASEAN tidak terjejas dengan lawatan itu. Walau bagaimanapun kita tidak dapat mengetahui buat masa ini, setakat mana hubungan setiakawan ASEAN terjejas dengan lawatan tersebut. Kita terpaksa menunggu dan melihat perkembangan selanjutnya.

Kerajaan Malaysia ingin menegaskan sekali lagi bahawa komitmen kita di dalam ASEAN bagi memastikan ASEAN adalah sebuah pertubuhan serantau yang efektif dan berjaya tetap wujud.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri berhubung dengan lawatan Presiden Israel ini, iaitu semasa lawatan Presiden Israel ke Singapura, Duta Malaysia di sana telah dipanggil pulang. Apakah tujuan utamanya Kerajaan Malaysia berbuat demikian? Dan apakah implikasinya selepas itu di antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak hal sesebuah negara itu adalah bertanggungjawab di atas dan kepada Kerajaannya, dalam soal diplomasi dan juga cara-cara serta kaedah mengendalikan diplomasi antara dua buah negara. Dalam konteks lawatan Presiden Israel tempoh hari, oleh kerana isu tersebut adalah satu-satunya isu yang begitu rapat dengan perasaan serta perjuangan dan sosio politik negara jiran yang berhampiran dengan Singapura termasuk Indonesia, Brunei dan Malaysia maka difikirkan kena pada tempatnya ketika itu untuk memanggil pulang Suruhanjaya kita atau Duta kita kembali ke Kuala Lumpur. Tujuan utamanya lain tiada, melainkan untuk membuat laporan dan tinjauan dari dekat yang patutnya dibuat dari semasa ke semasa.

Tugas ini telahpun dilaksanakan. Dan setelah laporan serta perundingan dilakukan maka Duta kita itu telahpun kembali ke Singapura untuk meneruskan tugas dan khidmat beliau.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan menghargai tindakan Jawatankuasa Bertindak menentang kehadiran Presiden Israel ke Singapura dengan mengadakan beberapa perjumpaan dan rapat-rapat umum?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pihak yang memberi sokongap moral ataupun sokongan secara langsung kepada prinsip dan dasar Kerajaan adalah dihargai. Tidak kira sama ada Jawatankuasa Bertindak Rakyat Malaysia ataupun yang terdiri dari komponen parti Barisan Nasional sendiri, tetapi sekiranya sebarang perlakuan itu adalah diluar Undang-undang ataupun amalan yang diterima sebagai baik dan membina, maka Kerajaan kita terpaksa memilih antara yang benar-benar wajib dan baik dan tidak.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa di dalam

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bangun sekali, sila beri orang lain peluang. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menghormati kedaulatan negara lain, apatah lagi negara jiran, Kita tidak ingin mencampuri soal negara lain tetapi oleh kerana negara berjiran dengan kita, kita perlu mengambil tahu apakah telah ada dalam pengetahuan Kerajaan kita kunjungan Presiden Israel ke Singapura baru-baru ini berlandaskan kepada pengakuan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Singapura bahawa Israel dan Singapura mempunyai hubungan dan saling bantu membantu yang erat bagi kepentingan Singapura dan Israel.

Soalan saya apakah ada dalam pengetahuan Kerajaan kita bahawa kunjungan Presiden Israel ke Singapura baru-baru ini ialah langkah untuk mengadakan perbincangan bagi menjadikan Singapura sebagai suatu kuasa tentera yang terkuat: di rantau ini yang pro Israel dan menentang anti kepada negara-negara yang pro keislaman?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana persepsi kita adalah terhad dalam banyak bidang dalam kehidupan kita termasuk dalam bidang diplomasi, politik dan hubungan dua hala maka soalan Yang Berhormat itu hanya dapat saya asaskan kepada perkara-perkara yang nyata. Perkara yang nyata ialah dan inipun telah diakui oleh Kerajaan Singapura bahawa hubungannya dengan negara-negara luar adalah baik, ada hubungannya dengan negara-negara luar yang tertentu yang lebih baik. Ini ada dalam pengetahuan kita. Tetapi bagi Singapura untuk memaklumkan atau menyampaikan kepada Malaysia lawatan-lawatan tertentu oleh pemimpin-pemimpin tertentu dari luar negara yang lain tidak ada dibuat dan ini dapat kita fahami.

Atas apa yang dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kemungkinan-kemungkinan itu harus berlaku di Singapura, telahan ini telah banyak dibuat oleh banyak pihak termasuk yang terkandung di dalam penulisan dalam majalah-majalah serantau dan juga tinjauan yang dibuat oleh penulis-penulis luar negeri yang tajam fikiran mereka. Dan ini ada dimuatkan dari semasa ke semasa dalam rencana di akhbar-akhbar Malaysia sendiri.

Dalam hal yang demikian kita adalah, seperti yang saya tekankan dalam dan semasa menjawab soalan tadi, meninjau perkara ini dari dekat dan kesimpulannya rakyat Malaysia dan Kerajaan kita akan dimaklumkan jua.

WANG MALAYSIA KE SINGAPURA - PENGALIRAN

3. **Tuan Haji Hussein bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak pengaliran wang Malaysia ke Singapura dianggarkan bagi setiap tahun.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai berapa banyak aliran wang Malaysia ke Singapura, saya bagi pihak Menteri Kewangan ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa aliran keluar wang Malaysia untuk maksud pelaburan ke Singapura ialah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah aliran keluarwang Malaysia ke Singapura untuk pelaburan tahunJumlah[Juta]
1983	\$2,394
1984	\$2,126
1985	\$2,002

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan untuk mengurangkan pengaliran wang ini ke Singapura.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sistem ekonomi negara kita ini adalah sistem yang terbuka. Jadi aliran wang Malaysia keluar dan masuk ini sukar dikawal dengan 100% oleh Kerajaan kita. Walau bagaimanapun Kerajaan kita telah cuba memberhentikan aliran-aliran keluar wang yang begitu banyak ke Singapura. Tetapi memandang bahawa aliran keluar wang Malaysia ke Singapura adalah untuk maksud pelaburan maka itu adalah satu alasan yang baik tetapi macam mana pun negara kita ini mencari cara-cara untuk menarik pelaburan ke negara kita ini.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan soalan saya ini, bukan sahaja ianya dimaksudkan kepada pelaburan tetapi seharusnya juga kita ada suatu angka andaian berlandaskan kepada pemergian rakyat kita ke Singapura untuk berbelanja sama ada perkara yang memberi bekas atau tidak memberi bekas, Sebab itu saya ingin mendapat tahu andainya ada andaian ini bagi pihak Kementerian Kewangan berapa banyak diandaikan kepada setiap tahun wang kita dicurahkan ke Singapura tanpa memberi hasil balaa kepada negara kita, berlandaskan kepada pemergian rakyat Malaysia ke Singapura.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu mungkin ada, tetapi susah bagi Kerajaan untuk mengawal keadaan itu. Memandangkan keadaan ekonomi negara kita ini, jika keyakinan daripada pihak pemastautin dan juga yang bukan pemastautin adalah tinggi di negara kita ini, jadi masalah ini akan berkurangan. Jadi saya harap dengan memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, Kerajaan kita sedang berusaha dan mencari jalan bagi mengawal masalah ini.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebaliknya, berapa banyak pengaliran wang Singapura ke Malaysia yang dianggarkan bagi setiap tahun.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini ada sedikit terkeluar atau tidak berkaitan dengan soalan asal, tetapi izinkan saya memberikan sedikit angka berkenaan dengan soalan ini.

Tahun	Aliran Wang Singapura ke Malaysia
1983	\$1,008 juta
1984	\$822 "
1985	\$1,065 "

Puan Aion binti Ariffin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya wang Singapura masuk ke Malaysia ada rekod, tetapi wang kita ke Singapura tidak ada rekod. Macam mana boleh berlaku begitu. Saya katakan pengaliran wang dari Singapura ke Malaysia ada rekodnya di Kementerian Kewangan, tetapi sebaliknya apabila soalan tambahan tadi ditanya berapa banyak wang Malaysia mengalir ke Singapura tidak dapat diberikan jawapan yang tepat atau andaian sekalipun. Kenapakah terjadi begitu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Kewangan menerima soalan ini, Kementerian Kewangan menganggap bahawa soalan ini adalah untuk menjawab bagi maksud aliran pelaburan. Jadi bagi maksud pelaburan, aliran keluar wang Malaysia ke Singapura, telah diterangkan tadi. Tetapi mengenai aliran keluar wang Malaysia, jumlahnya saya tidak ada angkanya dengan saya pada masa sekarang. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat itu ingin tahu angkanya, Kementerian Kewangan boleh menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Soalan No.4.

INSTITUSI BINAAN DAN KEJURUTERAAN

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O.23(2)) minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah institusi penyelidikan, khas bagi membuat penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang binaan dan kejuruteraan.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berhasrat untuk menubuhkan sebuah institusi penyelidikan. Walau bagaimanapun, pada permulaannya institusi ini akan menumpukan penyelidikannya dalam bidang kejuruteraan dan geo-teknik sahaja.

Pada hakikatnya, Jabatan Kerjaraya sebagai sebuah Jabatan teknikal yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek kejuruteraan bagi Kerajaan, sudah lama menjalankan penyelidikan kejuruteraan.

Institusi ini kemudiannya akan dikembangkan kepada penyelidikan dalam bidang binaan juga. Buat masa sekarang, Kementerian Kerja

Raya sedang dalam proses menguruskan segala keperluan institut tersebut supaya aktiviti-aktiviti penyelidikan dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur. Adalah dijangkakan institut itu akan beroperasi mulai tahun hadapan,

CUKAI JALAN - PUNGUTAN

5. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pungutan cukai jalan pada tahun 1983, 1984 dan 1985.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik:] Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa jumlah pungutan cukai jalan pada tahun 1983 adalah sebanyak \$544.7 juta; tahun 1984 adalah sebanyak \$592.9 juta dan bagi tahun 1985 \$614.3 juta.

Tuan G.Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bilakah Kerajaan bercadang untuk membuka kaunter pungutan cukai jalan di setiap Pejabat Pos di negara ini dan apakah yang menghalang pelaksanaan projek ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan bahawa kalau ada pertanyaan tambahan, mestilah ada kaitan atau relevant, Di dalam soalan itu pada perasaan saya itu di luar dari soalan asal. Jadi, saya rasa tidak usah dijawab.

PERTUBUHAN BERDAFTAR MENYELAR DASAR KERAJAAN

6. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah terdapat pertubuhan yang berdaftar bukan sebagai pertubuhan politik tetapi bergerak, bertindak dan menyelar dasar Kerajaan sebagai sebuah pertubuhan politik; dan
- (b) jika ada apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, takrif pertubuhan politik sebenarnya sudah tidak dipakai lagi setelah Akta Pertubuhan 1966 dipinda dalam tahun 1983. Apa yang terdapat sekarang dalam konteks Akta Pertubuhan ialah parti politik dan pertubuhan-pertubuhan lain yang bukan parti politik.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, setakat ini tidak ada pertubuhan yang didaftarkan bukan sebagai parti politik yang bergerak dan bertindak sebagai parti politik. Yang ada ialah beberapa pertubuhan Yang berdaftar bukan sebagai parti politik yang telah cuba menari perhatian orang ramai terhadap beberapa isu dalam bidang politik, pentadbiran, sosio-ekonomi, alam sekitar, buruh dan lain-lain lagi.

Oleh kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi, pertubuhan-pertubuhan ini dibenarkan menyuarakan pendapat-pendapat mereka. Bagaimanapun, jika kegiatan dan pandangan mereka itu didapati boleh menimbulkan ancaman ke atas ketenteraman awam dan keselamatan negara, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil di sisi undang-undang.

DISIPLIN ATAS AHLI SUKAN NEGARA

7. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah mendapati Penolong Ketua Pasukan Bolasepak Malaysia bersalah atas menghasut pemain-pemain lain dengan memberi rasuah supaya mereka mengalah di dalam sesuatu pertandingan di Sukan Asia di Seoul baru-baru ini;
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap beliau sehingga hari ini; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang melaporkan kes yang ternyata ini kepada pihak berkuasa Badan Pencegah Rasuah atau pihak polis, supaya diambil tindakan undang-undang terhadapnya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum berkenaan dengan kes tuduhan Kesatuan Bolasepak Malaysia (FAM) ke atas Penolong Ketua Pasukan Bolasepak Kebangsaan yang dikatakan menerima sogokan untuk menghasut pemain-pemain lain supaya kalah di perlawanan antara Malaysia dengan Saudi Arabia di Sukan Asia di Seoul baru-baru ini.

Semua perkara didiplin adalah dalam bidang tugas persatuan yang mengawal sukan. Bagi kes ini ialah Persatuan Bolasepak Malaysia. Jawatankuasa Kerja Persatuan tersebut telahpun membuat penyiasatan dan mengambil tindakan disiplin kepada Penolong Ketua Pasukan itu dengan hukuman iaitu penggantungan seumur hidup untuk bermain, melatih atau memegang sebarang jawatan dalam mana-mana persatuan atau club yang mengambil bahagian dalam mana-mana kejohanan atau pertandingan yang diselenggarakan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia. Dengan penjelasan saya ini, maka Kementerian tidak akan melaporkan kes ini kepada pihak Badan Pencegah Rasuah atau pihak Polis.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat. Timbalan Menteri sama ada di dalam latihan kesukanan terutama sekali bagi kontingen-kontigen yang akan bertanding di luar negeri dimasukkan atau tidak latihan-latihan motivasi ataupun maksud saya secara psikologikal atau semangat yang dapat mewujudkan perasaan malu jika kalah dan malu itu bukan sahaja dari segi kalah secara peribadi tetapi lebih penting ialah malu kerana gagal untuk menaikkan nama negara. Saya rasa ini penting kerana dengan dapatnya disemaikan semangat yang sedemikian, mungkin ahli-ahli sukan kita tidak dengan senang-senang dapat disogokkan dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau boleh saya menambahkan, jikalau ada apakah jenis latihan yang berkaitan dengan perkara ini yang telah diberikan.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus latihan jenis itu memang sentiasa diadakan oleh Persatuan-persatuan Sukan yang berkenaan di bawah galakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Walaupun kursus itu diadakan, kadangkala perkara-perkara yang tidak diinginkan itu berlaku juga, misalnya di negara ini berkenaan dengan pelajaran di sekolah-sekolah ada, Mahkamah ada, tindakan disiplin atau hukuman-hukuman berbagai jenis pun ada, tetapi perkara yang tidak diinginkan itu kadang-kadang berlaku juga. Itu sahaja, terima kasih.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar ahli-ahli sukan diberi rasuah dalam perlawanan yang besar-besar oleh pihak-pihak yang ingin mengaut keuntungan daripada rasuah itu. Saya ingin tahu layanan ataupun ganjaran yang diberi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau Kerajaan kepada ahli-ahli sukan yang mewakili negara kita di pertandingan peringkat antarabangsa, kerana kalau ahli-ahli sukan kita tidak diberi layanan yang sepatutnya, ini boleh menyebabkan punca-punca yang tidak sihat.

Tuan Wang Choon Wing: Berkenaan dengan perkara ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berpendapat layanan yang diberi kepada ahli-ahli sukan yang mewakili negara ini untuk menghadiri atau menyertai pertandingan di luar negeri memang boleh dikatakan baik, tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, tidaklah begitu baik. Bagaimanapun saya ingin menjelaskan di sini kes yang berlaku di Seoul itu adalah satu kes kerana kes itu dibawa dalam akhbar, mungkin orang ramai telah menumpukan perhatian ke atas kes itu dan hampir memberi satu gambaran yang salah bahawa kes ini selalu berlaku. Sebenarnya kes ini tidaklah selalu berlaku. Itu jawapan saya, terima kasih.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa di Seoul yang berlaku kepada Penolong Ketua Pasukan Bolasepak Negara saya ktra ialah satu jenayah dan pasukan ini atas nama negara, dan kalau jenayah ini berlaku bererti satu jenayah negara telah berlaku di bidang kesukanan. Kalau jenayah negara sudah berlaku di bidang kesukanan, apakah kepada seorang penjenayah negara hanya memadai setakat hukuman sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi? Kerana ini menyebabkan maruah seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Bolesepak Malaysia adalah satu Persatuan Sukan yang bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian mempunyai keyakinan penuh terhadap persatuan Bolasepak Malaysia. Kementerian berpendapat berkenaan dalam perkara ini keputusan yang dibuat oleh Persatuan Bolasepak Malaysia itu adalah satu keputusan yang bijak. Kes-kes semacam ini memanglah satu kes yang serius tetapi mungkin Persatuan Bolasepak Malaysia, lepas penyiasatan mereka mendapat keputusan yang dibuat itu adalah satu keputusan yang baik.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan saya bukan kepada FAM, soalan saya kepada Kerajaan, tindakan Kerajaan. Saya faham FAM telah mengambil tindakan kepada pemain-pemain kita ini, tetapi Kerajaan, tindakannya terhadap seorang rakyat negara ini yang telah mengkhianati sehingga menyebabkan maruah negara. Apakah Kerajaan hendak biarkan begitu sahaja, ataupun hendak sekadar FAM sahaja yang mengambil tindakan. Itu soalan saya.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam jawapan saya tadi bahawa kes seperti ini biasanya atau selalunya juga adalah di dalam bidang tugas Persatuan. Setakat ini Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak berhasrat untuk campurtangan dalam perkara ini.

KEPERLUAN ASAS PENDUDUK

8. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Perdana Menteri menyatakan apakah keperluan-keperluan asas yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk disediakan lagi 15.18% penduduk yang paling miskin sekali di negara ini di bawah rancangan semasa yang ada dan apakah strategi-strategi tertentu dan langkah-langkah, termasuk peruntukan belanjawan yang dirancangan dan akan dilaksanakan bagi memenuhi matlamat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya tidak begitu faham maksud pemilihan 15-18% penduduk yang Ahli Yang Berhormat anggap paling miskin kerana dari segi Kerajaan, setakat ini golongan sasaran yang mengalami kemiskinan telah ditentukan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan sasaran itu ialah penanam padi, pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa, nelayan, pekerja estet dan kumpulan miskin di bandar.

Mengenai langkah dan strategi bagi memenuhi keperluan asas golongan miskin seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen RML, Kerajaan telah dan akan terus membantu meningkat taraf sosio-ekonomi golongan ini menerusi kemudahan dan penyediaan pelajaran, kesihatan, infrastruktur dan jenis-jenis kemudahan awam yang lain. Perkhidmatan kesihatan terus dilaksanakan dengan lebih menumpukan kepada pendekatan bersepadu yang meliputi aspek-aspek penggalak, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Liputan perkhidmatan akan diperluaskan

dan bagi kawasan-kawasan terpencil, klinik-klinik bergerak ada disediakan. Berhubung dengan pelajaran, banyak sekolah sains dan ber-asrama penuh telah ditubuhkan bagi faedah murid-murid di luar bandar. Kemudahan-kemudahan pelajaran sains di sekolah-sekolah menengah luar bandar juga telah diperluaskan bagi memberi lebih banyak peluang kanak-kanak luar bandar mengikut pelajaran sains. Saya ingin menegaskan bahawa kemajuan yang dicapai dalam menyediakan keperluan-keperluan asas sehingga kini adalah memuaskan meskipun berlakunya kemelesetan ekonomi.

Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik serta kemudahan-kemudahan awam lain akan terus disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima 1986 hingga 1990. Sebagai usaha untuk memperluaskan liputan bekalan air, Kerajaan telah bersetuju melaksanakan program khas bekalan air luar bandar Antah Bi-Water. Berhubung dengan jumlah peruntukan belanjawan di bawah RML, Kerajaan telah meluluskan sejumlah kira-kira \$4,500 juta bagi menyediakan keperluan asas tersebut. Walau bagaimanapun, berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan terpaksa mengkaji semula jumlah peruntukan ini dan langkah ini sedikit sebanyak akan menjejaskan pelaksanaan program-program seperti pembinaan lebih banyak kemudahan pelajaran, kesihatan dan infrastruktur. Kerajaan akan berusaha memastikan supaya peruntukan yang bertujuan memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar, khususnya golongan miskin, tidak terjejas dengan begitu banyak.

PELABUR ASING - SAMBUTAN

9. **Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah mendapat sambutan dari pelabur-pelabur asing dengan adanya syarat-syarat baru yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini iaitu 100% modal asing dibenarkan melabur di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[**Tuan M.G. Pandithan**]: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di New York baru-baru ini mengenai kelonggaran ke atas ekuiti asing telah mendapat sambutan yang baik dari pelabur-pelabur asing. Banyak pertanyaan telah diterima oleh MIDA mengenai syarat-syarat baru tersebut. Dalam bulan Oktober 1986 sebanyak 45 permohonan untuk mendirikan projek perkilangan telah diterima oleh MIDA. Dari 45 permohonan ini, 8 projek dimiliki oleh rakyat asing sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 10.

KESALAHAN MENCONTENG DI JALAN RAYA

10. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23[2]]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang sebagai satu kesalahan menconteng slogan-slogan atau dengan kata-kata kesat di jalan-jalan raya terutamanya semasa kempen pilihanraya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan kesalahan menconteng dengan kata-kata kesat di jalan-jalan raya. Undang-undang berkenaan ialah Ordinan Kesalahan Kecil No.13/55, Kanun Keseksaan dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah yang sama, iaitu menconteng, kerap kali diketahui terdapat papan-papan tanda diconteng oleh orang-orang yang nakal. Setakat ini berapa ramaikah penconteng-penconteng yang telah dapat ditangkap dan dikenakan hukuman atau tindakan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selalunya conteng-menconteng ini berlaku di zaman pilihanraya kebanyakannya. Dan mengikut angka-angka yang ada pada kita, semasa pilihanraya kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Di bawah seksyen 15(2)(b) Ordinan Kesalahan Kecil, menconteng poster, 8 kes.

Di bawah seksyen 426 Kanun Keseksaan, mengoyak dan memusnahkan poster-poster dan juga 'signboard', dengan izin, ialah 32 kes.

Seksyen 427 Kanun Keseksaan, 45 kes.

Tindakan mengikut undang-undang telahpun diambil terhadap kesalahan-kesalahan tersebut.

DAKWAH ISLAMIAH - KEGIATAN

11. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi Kementeriannya untuk mempertingkatkan usaha-usaha dakwah dan amal makruf di negara ini, memandangkan sejak akhir-akhir ini Malaysia menjadi sasaran pengembang agama Kristian dari dalam dan luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusot bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan dakwah Islamiah di negara ini adalah sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui pendidikan di sekolah-sekolah, syarahan dan kelas-kelas pengajian di masjid-masjid dan surau, melalui penerbitan-penerbitan dan melalui Radio dan TV. Kegiatan dakwah adalah juga dijalankan

oleh badan-badan sukarela dan orang-orang perseorangan. Aktiviti dakwah itu dijalankan bukanlah kerana timbulnya kegiatan pengembangan agama Kristian atau umpamanya, tetapi telah berjalan sejak bertahun-tahun sebagai satu kewajipan yang difardhukan oleh agama Islam.

COUNTER TRADE

12. **Dato Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkenaan "counter trade" dalam meningkatkan lagi lebih perdagangan (trade surplus) kita terutama sekali dengan India.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk mengadakan urusan perdagangan secara "counter trade" adalah sebagai tambahan kepada kaedah perdagangan yang sedia ada. Ini adalah berlandaskan kepada keperluan untuk mengukuh dan mengembangkan pasaran-pasaran yang sedia ada dan juga mempelbagaikan eksport negara di kedua-dua pasaran tradisional dan bukan tradisional, terutama sekali dengan negara-negara yang mana kita mempunyai imbalan dagangan defisit dan negara-negara yang mengalami kekurangan mata wang asing.

Berhubung dengan India, masalah yang dihadapi ialah imbalan perdagangan yang berlebihan yang menguntungkan Malaysia. Pihak India sebagai usaha untuk mendapatkan Malaysia mengimport lebih banyak lagi barangan dari India telah mengenakan syarat "counter trade" ke atas pengeksport minyak kelapa sawit dari Malaysia. Kini Malaysia sedang berusaha untuk mengimport lebih banyak lagi barangan India, termasuk melalui "counter trade" supaya India akan terus mengimport barangan eksport dari Malaysia.

LINTASAN KERETAPI - KESELAMATAN

13. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha-usaha untuk menjamin keselamatan bagi laluan (lintasan) keretapi yang berjumlah 108 laluan di jalan raya seluruh negara.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk memastikan keselamatan di semua lintasan awam dan lintasan persendirian, di samping menyedarkan orang ramai tentang aspek keselamatan ini apabila menggunakan lintasan-lintasan ini adalah seperti berikut:

(a) Langkah-langkah fizikal

- (i) Pemasangan isyarat-isyarat jalan raya, lampu amaran untuk menarik perhatian pengguna jalan raya dan penjaga gate;
- (ii) pemasangan loceng landasan, dengan izin, 'track bell' dan alat komunikasi bagi menarik perhatian penjaga get tentang keadaan 'tren';
- (iii) melengkapkan get-get dengan alat kunci kait bagi keselamatan;
- (iv) menegaskan kepada pemilik lintasanrata suwa untuk memenuhi syarat-syarat keselamatan sepertimana termaktub di dalam perjanjian indemniti penggunaan lintasanrata;
- (v) meminda Ordinan Keretapi supaya denda yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang menyalahgunakan lintasanrata; dan
- (vi) membina jejantas atau jalan bawah di lintasanrata yang sibuk.

(b) Langkah-langkah kesedaran

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu dimaklumkan bahawa sepertimana juga Kempen Keselamatan Jalan Raya, punca utama kemalangan adalah terletak di tangan pengguna dan segala langkah-langkah keselamatan adalah mencukupi untuk memastikan lintasanrata digunakan dengan selamat. Namun segala langkah ini tidak akan membawa kesan selagi pengguna lintasan rata atau pemilik-pemilik lintasanrata suwa enggan memenuhi syarat-syarat keselamatan terhadap menyalahgunakan lintasanrata-lintasanrata Keretapi Tanah Melayu.

Kementerian berpendapat dengan cara ini sahajalah kemalangan-kemalangan akan dapat dielak sama sekali.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Kerajaan menimbang bagi Jabatan Kerja Raya mengambil alih pengawasan dan keselamatan lintasan keretapi di mana jalan lebuhrayanya dikelola oleh Jabatan Kerja Raya?

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dari Kementerian-kementerian lain dan jikalau Ahli Yang Berhormat tadi ada apa cadangan-cadangan baru daripada Kementerian Kerja Raya, kita akan pertimbangkannya.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan menjamin keselamatan yang ada kaitannya laluan lintasan, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, satu di antaranya telah membina jejantas kepada lintasan keretapi. Di sini saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berapa banyakkah jejantas yang telah dibuat bagi mengatasi lintasan keretapi pada tahun 1984 dan 1985 sahaja.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar jejantas telah dibina di beberapa tempat khasnya di atas jalan-jalan yang sibuk sekali dan baru-baru ini juga satu pasukan petugas telah ditubuhkan antara Kementerian Kerjaraya dan juga Kementerian Pengangkutan, khasnya Keretapi Tanah Melayu untuk membuat kajian di atas beberapa lintasan keretapi di mana jalan-jalannya yang melintasi landasan keretapi itu adalah sibuk sangat dengan tujuan sama ada viable atau tidak dari segi ekonomi untuk menswastakan pembinaan jejantas atau jalan bawah tanah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu adalah khusus sangat, saya tidak ada angka-angka yang tepat mengenai berapa sebenarnya yang telah dibina.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah keretapi dilontar batu lagi baru-baru ini? Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian supaya kejadian ini tidak berlaku lagi?

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kejadian melontar batu ke atas keretapi yang lalui masih ada lagi berlaku pada tahun ini, iaitu tahun 1986, tetapi melalui pihak-pihak keselamatan sama ada di dalam KTM sendiri ataupun pihak polis yang telahpun mengesan di mana-mana tempat kejadian ini sentiasa berlaku dan di atas penjagaan pihak-pihak keselamatan, ini telah berperingkat-peringkat dikurangkan.

CARUMAN KWSP - MENGELUARKAN

14. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Kewangan menyatakan dengan jelas pelbagai keadaan yang seorang pencarum KWSP dibenarkan mengeluarkan caruman mereka dan apa faedah lagi, jika ada, seorang pencarum boleh menikmati selain daripada mengeluarkan caruman KWSP mereka.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 13 Akta KWSP 1951 telah menetapkan keadaan-keadaan atau syarat-syarat di mana seseorang pencarum KWSP boleh mengeluarkan semua atau sebahagian sahaja daripada carumannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang pencarum KWSP boleh mengeluarkan kesemua carumannya dalam keadaan-keadaan seperti berikut iaitu-

- (i) Telah mencapai umur 55 tahun.
- (ii) Tidak berkeupayaan (uzur) dari segi anggota atau otak.
- (iii) Ingin meninggalkan negara (Malaysia) kita ini dan menetap di negara asing (kecuali Singapura) dengan tiada niat untuk kembali lagi.
- (iv) Apabila ahli meninggal dunia, waris terdekat atau penama boleh mengeluarkan caruman ahli tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, seseorang ahli KWSP boleh juga mengeluarkan sebahagian carumannya dalam keadaan seperti berikut:

- (1) Apabila mencapai umur 50 tahun.
- (2) Untuk membeli rumah kos rendah;

- (3) Untuk membeli rumah yang bukan kos rendah termasuk membina rumah di atas tanah sendiri dan menyelesaikan atau mengurangkan pinjaman jika pinjaman diambil untuk membeli rumah sebelum 1982 dengan menggadaikan rumah berkenaan sebagai cagaran.
- (4) Apabila mencapai 55 tahun, ahli boleh mengeluarkan dividen sahaja setiap tahun sekiranya ia tidak ingin mengeluarkan jumlah kreditnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pelbagai jenis pengeluaran yang saya telah sebutkan tadi, seorang ahli juga berhak menikmati faedah perubatan dan sekiranya berlaku kematian, waris-waris ahli yang meninggal pula mendapat faedah kematian. Faedah perubatan dan faedah kematian merupakan wang tambahan yang akan dibayar kepada ahli berkenaan atau kepada waris ahli yang terdekat, selain daripada jumlah caruman yang dikeluarkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya ada dengar penerangan Yang Berhormat Menteri bahawa pencarum boleh mengeluarkan wang jika hendak membina rumah baru atas tapak tanah sendiri ataupun membeli rumah. Jadi, saya ingin mendapatkan penerangan, adakah Kementerian bercadang kerana dengan keadaan ekonomi lembab sekarang ini banyak di antara kaki-tangan Kerajaan ataupun pencarum yang tidak berhajat untuk hendak buat rumah baru, tetapi ada rumah di atas tanah sendiri, keadaan rumah itu terpaksa diubahsuai dan terpaksa diperbaiki. Adakah ini boleh dapat mengeluarkan sebahagian daripada wang yang dicarumkan?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, sebenarnya saya tidak berapa pasti dengan jawapan ini oleh kerana saya hanya di dalam potpolio ini sebulan sahaja. Soalan ini merupakan satu soalan yang detail. Jadi, jikalau ada yang ingin tahu jawapannya, saya boleh memberitahu secara bertulis.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang biasa dibuatkan oleh Kerajaan jika sekiranya seseorang telah mencapai umur 55 tahun, tetapi sudah lupa untuk mengeluarkan wang carumannya?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau kejadian itu berlaku, Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada ahli itu [**Ketawa**] sebab keadaan ekonomi kita yang lembab ini. Jikalau lebih ramai pencarum yang lupa mengambil keluar wang itu, jadi adalah baik kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, faedah untuk wang kepunyaan pencarum itu akan dikira bagi pencarum itu. Terima kasih.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukannya tujuan asal simpanan KWSP ini untuk kepentingan pesara-pesara yang sudah tua, yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap lagi? Bukankah ini merupakan salah satu tanggungjawab Kerajaan mengingatkan orang-orang yang sudah lupa tentang wang yang disimpangkannya itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada tanggungjawab Kerajaan untuk mengingatkan pencarum-pencarum KWSP itu, tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa inipun menjadi tanggungjawab dirinya sendiri untuk mengingatnya serta mengeluarkan wang dari KWSP. Mungkin ada ahli KWSP itu kaya, tak ingin menge-

luarkan wang **itu**, Kerajaan pun jika perlu mengingatkan ahli itu dengan memberitahu bahawa masanya sudah sampai bagi beliau untuk mengeluarkan wangnya, tetapi kadang-kadang Kerajaan pun mungkin lewat sedikit. Jadi, kalau itu berlaku, maka wang yang disimpan di alam KWSP itu masih selamat sekarang pun.

PELABUR JEPUN - BILANGAN

15. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah bilangan Industri dan pelabur-pelabur Jepun yang beroperasi di Malaysia dan berapakah jumlah ekuiti yang dimiliki oleh Jepun.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Disember, 1985, 184 syarikat yang mempunyai penyertaan rakyat atau modal dari Jepun telah diluluskan dan sedang beroperasi di negara kita yang melibatkan ekuiti yang berjumlah \$352.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 24 adalah diberi di Lampiran "A"]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA

BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh". (3hb Disember, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya menyambung ucapannya kalau ada.

3.35 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya menyambung ucapan yang telah

dihentikan pada petang semalam. Semasa saya berhenti berucap semalam, saya sedang bercakap berkenaan ancaman komunis terhadap keselamatan negara di mana telah berkurangan. Kita mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan, Polis dan Tentera dan juga kepada semua agensi-agensi Kerajaan yang telah bekerja begitu kuat untuk mengurangkan ancaman komunis ini.

Mengikut keterangan yang diberikan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, pada masa ini hanya ada 180 anggota pasukan komunis bergerak dalam hutan di empat buah negeri iaitu di Pahang, Perak, Kelantan dan Selangor. Jumlahnya tidak banyak lagi. Tetapi yang saya ragukan ialah kita tidak tahu berapa ramai golongan manusia, orang ramai atau individu yang berhati komunis, yang tidak ada tanda pengenalannya yang tidak dapat kita baca. Dia mungkin hidup bersama kita, dia mungkin berjalan bersama kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh, tetapi berkemungkinan golongan-golongan mereka yang berhati dan bersikap komunis ini mungkin ada bersama-sama duduk dengan kita mendengar perbincangan kita di Dewan Parlimen dan sebagainya. Inilah yang paling merbahaya yang mesti kita awasi kerana kita sedar bahawa peranan komunis untuk menerapkan fahamannya tidak pernah berhenti. Perjuangan mereka tidak pernah berhenti, mereka terus bekerja, berjuang supaya dapat memujuk dan menyerapkan fahaman mereka ke negara-negara yang belum mereka kuasai. Oleh itu saya menyeru kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan tidak akan mengurangkan tindakan-tindakan untuk mengikuti mereka ini dari masa ke semasa,

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi akhir-akhir ini timbul ancaman

ataupun gerakan-gerakan yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Saya pernah mendengar selalu ada gerakan anti nasional. Nama ini agaknya cukup indah iaitu "Gerakan Anti Nasional". Tetapi pada saya lebih tepat kalau dikatakan "Gerakan Anti Kerajaan", "Gerakan Anti Pemerintah" yang akhir-akhir ini begitu banyak timbul. Berbagai-bagai cara mereka bertindak. Ada yang didapati menggunakan nama-nama pertubuhan bercorak sosial, ada pertubuhan yang menggunakan persuratan dan sebagainya yang bertindak untuk menentang Kerajaan, menyalurkan fahaman-fahaman kepada orang supaya membenci Kerajaan. Mereka adalah warganegara kita sendiri yang besar di negara kita, yang hidup di negara kita. Tetapi saya ragu-ragu, mungkin mereka ini telah diperalatkan atau dialatkan oleh golongan-golongan tertentu untuk menjalankan tindakan-tindakan yang sedemikian itu.

Saya pernah terbaca di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini bahawa ada pertubuhan-pertubuhan sosial yang ada hubungan dengan Zionists umpamanya, tetapi saya tidak dapat tahu sampai hari ini apakah nama pertubuhan itu. Saya rasa ini juga mungkin berlaku di negara kita ini, Semua ini boleh mengancam keselamatan negara kita, boleh menggugat perpaduan rakyat negara ini. Berbagai-bagai cara yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat negara ini adalah penting, sesuai dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Baginda membuka Dewan ini dahulu. Perpaduan adalah faktor penting untuk mengekalkan keadaan negara ini yang aman tenteram, untuk mengekalkan keadaan negara kita di mana kita boleh berusaha untuk bekerja membangunkan-

nya, mengekalkan keadaan yang holeh hidup harmoni di negara ini. Tetapi akhir-akhir ini, banyak sangat tindak tanduk yang dilakukan oleh golongan-golongan tertentu dalam negara kita ini yang boleh memecah-belahkan perpaduan dan sebagainya.

Tuan yang di-Pertua, kalau saya bercerita sedikit, kita telah mewujudkan satu keluarga yang bahagia, keluarga yang aman tenteram, keluarga yang maju selama 30 tahun, tidak ada pertelegahan umpamanya, tetapi tidak tahu di mana salah silapnya akhir-akhir ini keluarga itu bukan sahaja seiring, tidak sejalan, bukan sahaja mengunting dalam lipatan, tetapi jelas nampaknya sanggup menikam kawan dari belakang. Bila keadaan ini berlaku, ini boleh mengadakan satu keadaan tegang di negara kita ini yang tidak menguntungkan kepada semua pihak. Oleh itu di Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan ini untuk menjaminkan keadaan negara kita aman damai, rakyat yang hidup bebas ini, supaya setiap pihak yang berkenaan cubalah menghentikan tindak-tanduk yang sedemikian itu demi untuk kepentingan negara, kepentingan warisan yang akan datang, menjamin kemajuan dan kemakmuran negara ini.

Tindakan yang tidak menguntungkan kepada sesiapa jika berlaku ketegangan, berlaku pertelingkahan dan berbagai-bagai huru-hara, ianya hanya akan dapat menguntungkan kepada golongan-golongan yang menanti yang menunggu supaya keadaan di negara ini akan kucar-kacir dan kita akan musnah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada jabatan-jabatan yang berkenaan kalau boleh saya menyerulah supaya kita mengambil tindakan, mengambil pengawasan dengan sebaik-baiknya. Kalau dahulu keluarga ini baik, duduk semeja berunding, kenapa tidak berlaku demikian pada hari ini?

Dalam negara kita yang majmuk ini saya rasa tidak ada seorang pun yang boleh bertindak untuk menjadi wira semata-mata demi memperjuangkan keuntungan satu kaum atau satu kelompok. Kita adalah ibarat satu kawan, satu kumpulan yang bekerjasama daripada sejak kita mula merdeka sampailah menjelang kepada hari ini hampir 30 tahun negara kita ini merdeka, bebas dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ancaman-ancaman komunis, subversif bawah tanah, gerakan-gerakan anti-nasional, anti-Kerajaan; tindakan-tindakan badan-badan yang saya sebutkan tadi yang semata-mata mencari kesalahan, kesalahan demi kesalahan yang dibuat oleh pemerintah dan Kerajaan dan jarang-jarang benar mengakui kebenaran walaupun mereka menikmati hasil daripada tindakan Kerajaan itu. Inilah yang saya katakan tadi ada lagi satu ancaman yang besar, yang sangat besar bahayanya yang telah di Titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu ancaman dadah.

Dalam Titah Ucapan Baginda ini menyatakan bahawa dadah masih menjadi musuh utama negara, musuh nombor satu negara. Kalau kita mengakui bahawa dadah ini musuh utama negara, musuh nombor satu negara ianya adalah musuh rakyat. Jadi, apakah tindakan kita yang telah kita buat bagi mengurangkan atau membasmi terus musuh utama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya suka sedikit

menghuraikan beberapa perkara untuk renungan dan juga panduan kita bersama daripada Jawatankuasa Petugas Anti Dadah negara baru-baru ini menyatakan bahawa ada terdapat 118,000 penagih-penagih dadah yang dikenal pasti sama ada melalui tangkapan atau penyerahan diri. 118,000 lebih kurang ini angka yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Petugas Anti Dadah Negara. Daripada itu juga menurut satu kajian yang dibuat umpamanya kajian yang dibuat oleh Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, sama ada kajian ini benar, betul, kita tidak tahu; menyatakan bahawa setiap seorang penagih dadah yang ditangkap ada lagi empat atau lima yang belum ditangkap atau yang belum di-kesan. Kalau keadaan demikian, kalau angka itu benar, kita kalikan 5 x 118,000; tentunya jawapannya hampir setengah juta. Sama ada angka ini benar atau tidak tetapi ini kajian yang telah dibuat oleh pihak Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dalam laporan yang saya baca.

Apa yang hendak saya sampaikan kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau setengah juta ada penagih dadah di negara kita ini dan sekiranya mereka ini paling maksima membelanjakan wang untuk membeli dadah satu hari \$5.00 seorang, cubalah kira berapa jumlahnya. Wang yang dibelanjakan oleh penagih-penagih dadah untuk membeli dadah bagi memusnahkan diri mereka. Baru-baru ini saya ada mengikuti satu ceramah yang diberikan oleh seorang penagih dadah yang telah taubat, menyatakan bahawa semasa beliau menagih dadah dia berbelanja satu hari untuk membeli heroin tidak kurang \$20.00. Kalau setengah juta penagih dadah, membelanjakan \$20.00 seorang sehari cubalah kira berapa jumlah wang yang telah digunakan demi memusnahkan diri mereka sendiri. Inilah musuh yang dikatakan musuh utama negara kita **ini**.

Di samping itu baru-baru ini juga saya mendapat kesempatan untuk pergi melawat ke Pusat Serenti di Seremban. Pusat Serenti

yang melatih ataupun merawat penagih-penagih dadah. Pada masa saya melawat pusat itu ada didapati di sana seramai 540 orang penagih-penagih dadah yang sudah dipulihkan atau dirawat. Bila saya bertanya kepada Pengetua Pusat itu atau Penguasa Pusat itu berapakah belanja yang diberikan untuk makan setiap penagih dadah ini? Beliau memberitahu saya ialah sebanyak \$10.00 seorang, sehari. Kalau 540 orang, \$10.00 seorang sehari, sebulan berjumlah \$162,000 untuk memberi makan penagih-penagih dadah sahaja, belum lagi termasuk belanja kakitangan, pengurusan, pentadbiran dan lain-lain lagi yang dikira berjumlah satu tahun hampir \$2 juta dibuangkan untuk merawat penagih-penagih dadah. Inilah keadaan yang berlaku pada hari ini.

Kepada rakyat kita, kepada golongan-golongan yang masih muda, kepada warisan yang masih muda yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, memang tepatlah dadah ini musuh utama negara kita. Hanya yang hendak sama sebutkan hari ini atau yang hendak saya kemukakan hari ini apakah tindakan-tindakan yang telah kita buat secara bersama-sama bagi mengatasi masalah ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak penguasa yang telah menjalankan tindakan-tindakan yang dapat merampas bekalan dadah yang disalurkan ke negara kita akhir-akhir ini dengan banyaknya. Hukuman-hukuman yang telah kita buat, hukuman gantung mandatori tetapi mereka masih tidak takut kepada undang-undang ini. Mereka masih lagi menjalankan kegiatan-kegiatan pengedaran dadah yang banyak di negara kita ini.

Jadi, saya kira inilah persoalan yang ada pada hari ini apakah yang telah kita lakukan bersama-sama kalau kita mengakui bahawa dadah ini musuh negara; musuh utama negara, musuh nombor satu negara; apa peranan yang telah kita ambil, apa peranan yang kita buat bagi menghapuskan musuh ini.

Semalam dalam soal jawab di Dewan ini, mengenai dengan penghuni-penghuni penjara, Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa 23% daripada penghuni-penghuni penjara itu adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan dadah sehinggakan penjara sesak tidak ada tempat lagi.

Saya bersetuju bahawa kalau boleh Kerajaan berkemampuan, penagih-penagih dadah atau mereka yang terlibat dengan dadah ini diasingkan sahaja penjaranya. Kalau dapat dihantarkan sahaja ke sebuah pulau supaya tidak lagi bersama-sama dengan penjenayah-penjenayah lain, kemudian barulah dapat diubah cara berfikir mereka dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyatakan bahawa perpaduan adalah faktor utama dalam mewujudkan keadaan negara kita yang aman damai, dalam mewujudkan negara kita boleh terus melaksanakan kerja-kerja pembangunan yang kita rancangkan tahun demi tahun.

Dalam hubungan ini satu jabatan telahpun ditubuhkan, Jabatan Perpaduan Negara. Kalau saya tidak silap pada tahun yang sudah, dalam Dewan ini juga saya membangkitkan apakah peranan yang telah dibuat oleh jabatan ini dan apakah kekesanan yang telah dapat dicapai bagi menjalankan tugas atau fungsi, jabatan ini bagi mengelakkan daripada bertambah luas lagi polarisasi kaum yang ada di negara kita ini. Pihak yang berkenaan pada hari itu menerangkan bahawa jabatan ini sedang disusun, satu perancangan sedang dibuat bagi meningkatkan lagi tugas jabatan ini. Pada hari semalam juga soal ini timbul lagi di Dewan ini. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa jabatan ini sekarang sedang merancang satu pendekakan baharu yang akan melibatkan secara langsung agensi-agensi Kerajaan lain supaya jabatan ini lebih berkesan lagi daripada masa-masa akan datang.

Saya berharap supaya masalah ini benar-benar dapat diatasi. Kerana hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada mendengar dua perka-taan yang selalu dilaung-laungkan, satu pihak menekankan integrasi nasional dan pihak lain juga melaungkan pula polarisasi kaum. Kedua-dua bercanggah di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengeratkan hubungan kaum ini, saya kira suratkhabar-suratkhabar juga harus memainkan peranan sebagai anggota yang bertanggungjawab kepada negara kita ini. Kerap kali kadang-kadang perkara-perkara yang ditimbulkan dalam siaran akhbar itu tidak patut ditimbulkan, yang boleh lagi meruncingkan rasa atau perasaan antara satu kaum dengan kaum lain telah ditonjolkan di muka depan menjadikan topik tertentu ini patut dikaji semula, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan tergugatnya perpaduan yang seringkali

kita dengar supaya dapat mewujudkan integrasi nasional yang boleh menjamin keselamatan dan kemakmuran negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini banyak sangat saya katakan tadi perkara-perkara yang tidak dapat kita ramalkan berlaku. Perkara-perkara yang tidak kita fikirkan boleh menjadi terjadi, apakah dan di manakah salah silapnya. Saya mengalihkan pula kepada ancaman yang dilakukan oleh golongan-golongan yang menggunakan agama Islam, yang memecah belahkan ummah timbul di sana sini, berbagai perkara-perkara yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman penjajah dahulu tidak ada satu bangunan pun yang dibuat oleh Kerajaan; kalau tidak diluluskan oleh dasar penjajah pada masa itu tidak bangunan yang dibuat oleh Kerajaan. Kalau orang Islam hendak mendirikan masjid dirikan sendiri, kalau hendak buat surau, buat surau sendiri, kalau hendak buat sekolah, sekolah sendiri. Tetapi hari ini semuanya diberikan oleh Kerajaan. Bangunan masjid, bangunan surau, bangunan sekolah, berbagai-bagai bangunan lagi tetapi rakyat masih tidak bersyukur, masih tidak menerima pemberian-pemberian yang dibuat oleh Kerajaan itu. Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi ini, ada tiga golongan yang tertentu yang menentukan pelaksanaan dan kemakmuraan negara ini. Golongan pertama, ialah golongan pembuat dasar yang tidak ramai bilangannya. Ambil contoh, Ahli-ahli Dewan Negara ini kalau lengkap dipenuhi semuanya berjumlah 69 orang daripada 15 juta rakyat negara ini, sedikit. Demikian juga di Parlimen atau di Dewan-dewan Negeri. Inilah golongan-golongan yang sentiasa berbincang, merumuskan dan membuat dasar-dasar untuk rakyat.

Yang kedua, ialah golongan pelaksana dasar itu. Sejak negara kita merdeka sampai hari ini, saya sendiri mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang melaksanakan dasar ini, sampai nampak hasil pembangunan dan juga kerja yang tidak pernah kita fikirkan dahulu tetapi dapat dicapai. Tetapi di waktu-waktu kebelakangan ini, barangkali tidak tahu di mana salah silapnya, di mana yang tidak kena, di mana yang tidak patut keadaan ini agak tidak begitu lagi. Ketegasan ini tidak nampak lagi dengan tepat atau jitu. Kadangkala maklumat-maklumat yang patut sampai kepada rakyat bawa tidak sampai. Banyak perkara-perkara yang patut diketahui oleh rakyat di kampung tidak sampai. Tindakan-tindakan yang lain juga kadang-kadang tidak dapat dibuat dengan cepat dengan berbagai-bagai perkara.....,

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat. Berapa lama lagi hendak berucap!

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Lagi lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Jadi, saya rasa keunggulan nama tadbir Kerajaan di masa lampau itu agak terjejas. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru supaya kita meneruskan nama baik kita, meneruskan kegiatan kita, menentukan tugas masing-masing supaya matlamat yang dibuat oleh Kerajaan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini dapat dilaksanakan mencapai kepada matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sudah diberi warning tadi, saya tidak panjangkan lagi. Jadi, sikap inilah saya kira kalau boleh dapat kita ubah supaya dapat kita teruskan khidmat kita dengan baik. Kalau tidak silap saya di antara negara-negara di rantau ini,

negara kitalah yang paling ramai sekali kakitangan-kakitangan Kerajaan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, Kita bersyukur atas keadaan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit menyentuh berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru yang dipertikaikan, dan dipersoalkan baharu-baharu ini. Saya harap kepada golongan yang berkenaan supaya balik semula ke pangkal jalan, mengkaji semula bagaimana dasar ini ditimbulkan dan dipraktikkan demi untuk menjamin perpaduan negara ini, menyeimbangkan kedudukan antara kaum-kaum yang ada di negara ini bagi mengelakkan keadaan yang tidak diingini dan bagi menjamin keadaan ekonomi yang baik negara ini dan tidak merugikan sesiapa. Baharu-baharu ini Kerajaan kita telahpun mengubah dasarnya untuk membenarkan pelabur-pelabur daripada luar negeri melabur di negara kita ini dengan equiti 100%. Di sini nampak seolah-olah macam sebagai mengeneipkan dasar yang dibuat dahulu tetapi ini perlu kerana kita memerlukan satu pembangunan perindustrian, membangunkan kilang-kilang di samping untuk memberikan pekerjaan kepada rakyat kita yang tidak bekerja yang bilangannya bertambah ramai dari setahun ke setahun. Hanya yang hendak ingatkan, hendak rayukan kepada pihak-pihak berkenaan supaya pelabur-pelabur tempatan juga tidak akan diketepikan, tidak akan dikecewakan.

Oleh itu ada perpatah Melayu mengatakan di sini, perpatah yang telah dikeluarkan dahulu lebih kurang begini dalam kita menjalankan sesuatu kerja untuk kebaikan seboleh-bolehnya elakkanlah daripada kera dihutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya sekali lagi dan dengan sukacitanya menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita minta Yang Berhormat Menteri-menteri menggulung perbahasan ini. Sebelum kita mulai, saya minta Menteri dari Jabatan Perdana Menteri supaya mencadangkan satu Usul supaya jikalau perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih tidak habis pada waktu 6.30 petang, persidangan Dewan ini pada hari ini disambung sehingga Usul ini diselesaikan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAH URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun Peraturan Mesyuarat 11, Persidangan Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh telah dipersetujui dan diluluskan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Disetujukan,

Bahawa walau apapun Peraturan Mesyuarat 11, Persidangan Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh telah dipersetujui dan diluluskan.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri menggulung.

4.04 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Di-Raja dan seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan atas Titah Di Raja selama 3 hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai perpaduan dan polarisasi kaum, langkah-langkah untuk mengatasi masalah ekonomi negara, perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, projek penapisan minyak di Melaka, penerangan dan khidmat nasihat agama Islam serta pindaan kepada Undang-undang Mahkamah Syariah dan penubuhan Unit Hal Ehwal Wanita Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Di samping itu, pemberian lesen pam minyak PETRONAS, penggunaan daftar pengundi yang terbaharu dan kemaskini semasa pilihanraya dan kedudukan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 juga dibangkitkan.

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijelaskan dalam masa Soal Jawab Mulut beberapa hari yang lalu. Walaupun demikian, segala pandangan, teguran dan syor-syor yang membina yang diberikan dengan ikhlas adalah dihargai dan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan perpaduan dan polarisasi kaum. Di antaranya ialah Yang Berhormat Senator-senator Puan Mazidah binti Haji Zakaria, Pua Ainon binti Ariffin, Tuan G. Rajoo, Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said, Tuan Tiong Hiew King, Tuan Haji Hussein bin Ahmad, Tuan Chan Choong Tak, Datuk Nasir bin Haji Manap, Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim dan Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

Usaha untuk memupuk perpaduan nasional ialah satu proses yang berpanjangan yang perlu dipertingkatkan tahapnya dari semasa ke semasa dengan kerjasama semua pihak. Untuk kita berusaha ke arah mempertingkatkan lagi integrasi melalui perpaduan nasional itu, maka perlulah setiap golongan masyarakat baik ahli-ahli politik mahupun pihak-pihak lain, bekerjasama dengan Kerajaan untuk membanteras gejala-gejala negatif yang boleh membantu usaha perpaduan. Kita semua hendaknya berhati-hati apabila membangkitkan sesuatu isu supaya tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum. Sungguhpun Kerajaan yang memerintah negara ini, terdiri daripada parti-parti politik yang ditubuh berasaskan kepada sesuatu kaum tertentu, tetapi dengan gabungannya dalam Barisan Nasional, maka perundingan sesama parti komponen dalam semangat musyawarah sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan masalah perpaduan diberi pendekatan mengikut komuniti dan identiti masing-masing.

Menyentuh saranan supaya Kerajaan melarang parti-parti politik membincangkan perkara-perkara sensitif tentang perkauman secara terbuka di media massa, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan telah berkali-kali mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan supaya berhati-hati apabila membincangkan perkara yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum. Dalam pada itu, kita mempunyai Akta Hasutan dan dengan

demikian tidaklah lagi perlu Kerajaan menggubal suatu dasar tertentu bagi melarang parti-parti politik membincangkan perkara-perkara sensitif mengenai perkauman.

Menyentuh mengenai penggunaan bahasa ibunda yang dikaitkan dengan polarisasi kaum, ingin saya nyatakan bahawa penggunaan bahasa ibunda tidak menyebabkan polarisasi kaum. Sebaliknya, ia adalah bertujuan untuk menjadikannya bukan sahaja sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini tetapi untuk menjadi media hubungan yang utama di antara kaum yang mempunyai bahasa asal keturunan mereka. Dengan menggunakan satu bahasa yang sama, common language, dengan izin, maka diharap interaksi antara kaum dapat dipertingkatkan. Takrif 'bahasa ibunde', sepertimana yang telahpun dijelaskan oleh pihak Kerajaan, bukanlah bererti, mother tongue, dengan izin, yang digunakan oleh berbagai kaum di negara ini. Bahasa ibunda yang dimaksudkan itu ialah Bahasa Malaysia, bahasa yang menjadi media per-tuturan bagi rakyat Malaysia. Ia tidak dapat disamakan dengan bahasa-bahasa yang digunakan oleh berbagai kaum mengikut bahasa asal keturunan mereka. Bahasa-bahasa tersebut adalah tidak dilarang penggunaannya sepertimana yang telahpun termaktub dalam Perlembagaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah digesa supaya menyusun semula jentera perpaduan rakyat dengan lebih progresif dan berkesan. Suka saya nyatakan bahawa sememangnya tanggungjawab agensi perpaduan negara menitikberatkan keberkesanan peranan serta aktiviti dalam menyumbang ke arah pemupukan perpaduan nasional.

Semenjak tahun 1983, Jabatan Perpaduan Negara telah disusun semula untuk memainkan peranan yang lebih positif. Panel Penasihat Perpaduan Negara telah diperbesarkan dengan perlantikan anggota-anggota daripada tiap-tiap buah negeri bagi mencerminkan commitment Kerajaan terhadap keberkesanannya.

Kini Jabatan ini juga telah membuat satu pendekatan baru dalam aspek dan peranannya sebagai badan yang memberi tumpuan khusus kepada dasar-dasar penting negara serta penerangn mengenai rasionalnya kepada rakyat, serta menjadi sumber rujukan bagi pihak-pihak lain atas perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan antara kaum dan perpaduan nasional.

Selain daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara sentiasa mengesan akan tahap serta iklim perhubungan antara kaum di seluruh negara serta sensitif terhadap perkembangan hubungan antara kaum dari semasa ke semasa. Selanjutnya agensi tersebut diperlukan mengesan mana-mana pihak yang diamanahkan untuk melakukan dasar-dasar negara supaya tidak menyeleweng dari mencapai matlamat perpaduan nasional.

Ingin saya memaklumkan juga bahawa melalui program Rukun Tetangga yang memberi penekanan kepada pemupukan semangat kejiranan, agensi Perpaduan Negara mempunyai program penggalakan tertentu yang diuruskan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang boleh memberi penerangan kepada rakyat berbagai kaum untuk bergaul dan berbaik-baik sangka antara satu sama lain melalui aspek aktiviti kesukanan, kemasyarakatan, kebajikan dan lain-lain.

Selain dari itu Kelas-kelas Tabika untuk kanak-kanak ada diselenggarakan di bandar-bandar di seluruh negara ini. Begitu juga bagi orang-orang dewasa, diadakan kelas-kelas perpaduan rakyat di mana diajar Bahasa Malaysia dan juga unsur-unsur perpaduan melalui mata pelajaran sivik.

Selain daripada itu dari semasa ke semasa Jabatan Perpaduan Negara menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti khemah kerja dan skim anak angkat di mana diterapkan juga, antara lain, faktor mengenai sejarah serta penerangan mengenai adat resam antara kaum dan lain-lain.

Walaupun melalui program Rukun Tetangga Kerajaan telah menggalakkan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga/Jawatankuasa Jiran, tetapi Kerajaan juga menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan penduduk di taman-taman perumahan dan lain-lain kawasan supaya semangat kejiranan itu dapat diterapkan lagi untuk semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Behormat Senator Hajjah Azizah binti Mohd. Said, telah mengesyorkan beberapa langkah bagi Kerajaan mengatasi masalah ekonomi negara. Di antaranya program penswastaan, ingin saya jelaskan pada masa ini Kerajaan sedang memproses projek-projek penswastaan yang dicadangkan oleh sektor swasta dan juga agensi Kerajaan.

Kerajaan sedang berusaha untuk menjalankan suatu kajian menyeluruh bagi penswastaan untuk tempoh jangka pertengahan dan jangka panjang serta akan mengesan projek-projek dan perkhidmatan yang boleh diswastakan dan jadual untuk penswastaan projek-projek tersebut.

Mengenai cadangan supaya pegawai dan kakitangan Kerajaan Kumpulan A hingga C ditempatkan berhampiran dengan kampung-kampung masing-masing, sukalah saya menjelaskan penempatan pegawai dan kakitangan Kerajaan di sesebuah Jabatan Kerajaan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti kedudukan kekosongan jawatan, pengalaman dan pengkhususan pekerja, kesesuaian tempat kerja, berdasar-

kan latar belakang pekerjaan sebelumnya, jangka waktu bertugas di sesuatu tempat serta keperluan semasa sesuatu jawatan itu hendak diisi. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu, pertimbangan juga diberi kepada masalah berhubung dengan permohonan untuk kembali bertugas di jabatan-jabatan yang berhampiran dengan tempat asal kakitangan yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua kriteria yang digunakan sebagai asas penempatan pegawai dan kakitangan Kerajaan ini adalah bertujuan untuk menempatkan kakitangan yang paling layak di sesuatu jabatan itu.

Mengenai Rancangan Buku Hijau, sebagaimana yang termaklum ianya telah dilancarkan pada 1974 dan digerakkan semula pada tahun 1983, menggalakkan rakyat luar bandar berternak dan menanam sayur-sayuran di kawasan sekitar rumah dan tanah terbiar. Hasil tanaman dan ternakan itu adalah untuk menampung keperluan keluarga sendiri dan jaga keperluan tempatan. Rakyat luar bandar, melalui Jabatan Pertanian dan Pegawai Pengembangan adalah diberi galakan untuk sentiasa bercucuk tanam dan berternak sebagai amalan biasa. Oleh itu Rancangan Buku Hijau adalah masih aktif dan isu menghidupkannya tidaklah timbul. Di dalam konteks ini, rancangan Kerajaan sekarang untuk menggalakkan penanaman tanaman kontan yang bertujuan untuk mengurangkan import bahan-bahan makanan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara adalah usaha-usaha yang meneruskan program Rancangan Buku Hijau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah memberi pandangan ikhlas bahawa perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada musim haji yang lalu adalah bertambah baik.

Berhubung dengan teguran bahawa adanya pegawai-pegawai kebajikan Lembaga Urusan dan Tabang Haji yang menghilangkan diri semasa bertugas di Tanah Suci, setakat ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji belum mendapat lampiran secara bertulis atau melalui buku kecil soal-selidik yang dikeluarkan dari mana-mana jemaah haji yang balik ke tanahair setelah menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Walaupun demikian, sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan keterangan lanjut atau bukti mengenai perkara ini, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menjalankan siasatan dan jika didapati benar, tindakan tatatertib akan diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said menyentuh mengenai projek penapis minyak di Melaka. Perlulah saya jelaskan bahawa sungguhpun projek ini telah diluluskan, tetapi pelaksanaannya telah ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan lagi, selaras dengan dasar jimat-cermat Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Sementara itu pihak PETRONAS sedang menjalankan kajian semula secara menyeluruh mengenai projek ini meliputi keperluan dan kemampuan penapisan secara am dengan mengambil kira perkembangan yang berlaku sekarang dan jangkaan pada masa hadapan dalam industri petroleum.

Cadangan Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah supaya Jabatan Agama Islam Negeri mengadakan penerangan dan khidmat nasihat mengenai agama kepada kakitangan Kerajaan dan pejabat swasta yang beragama Islam, akan dikaji dan dilaksanakan sejauh mana yang dapat.

Cadangan beliau supaya undang-undang dipinda bagi memberi kuasa yang lebih kepada hakim Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan-kesalahan jenayah hukum syarak, ingin saya tegaskan tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan. Bidangkuasa Mahkamah Syariah telah diperluaskan dan boleh mengenakan hukuman denda sehingga \$5,000, penjara 3 tahun dan sebat 6 kali. Perluasan kuasa ini dibuat melalui, dengan izin, Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act, 1984 - A 612/84. Pihak-pihak berkuasa agama Islam Negeri kini sedang menyemak semula Enakmen Hukum Syarak masing-masing ekoran daripada kuatkuasanya Akta tersebut mulai 1hb Januari, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Unit Hal Ehwal Wanita Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini YADIM telah memperluaskan kegiatannya kepada seluruh lapisan masyarakat, terutama kaum wanita dan kanak-kanak Islam di negara **ini**. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia telah ditubuhkan pada 15hb Oktober, 1976 dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed.

Unit itu ditugaskan untuk merancang dan menyusun aktiviti-aktiviti keagamaan khusus kepada masyarakat wanita dalam usaha meningkatkan kegiatan serta penglibatan kaum wanita dalam masyarakat. Pada peringkat awal, Unit ini akan melaksanakan kegiatannya melalui program Taman Asuhan Kanak-kanak, kegiatan-kegiatan yang bercorak Seminar, Nadwah Wanita, penglibatan melalui pertubuhan-pertubuhan wanita dan kemasyarakatan serta khidmat nasihat wanita. Di antara program yang telah dijalankan oleh Unit ini termasuklah mengadakan Nadwah Wanita Islam Se-Malaysia baru-baru ini yang telah dihadiri oleh 250 orang wanita yang mewakili berbagai-bagai pertubuhan.

Dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan yang dirancang, Unit ini sedang berusaha menambahkan bilangan kakitangan yang bertugas sepenuh masa bagi memastikan pelaksanaan program tersebut berjalan dengan lancar. Di samping itu sebuah Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita YADIM juga telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk merancang serta menyusun program-program yang sesuai yang akan dilaksanakan melalui YADIM. Cadangan Yang Berhormat Senator mengenai pengambilan pegawai dan kakitangan wanita bagi mengisi jawatan-jawatan dalam Unit itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya mohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
4.24ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli. Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai berbagai perkara yang menyentuh Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah Mohd. Said dan Yang Berhormat Senator Hassan Nam telah menggesa Kerajaan supaya mengurangkan harga barang-barang keperluan harian seperti beras, gula dan barang-barangan buatan Malaysia agar dapat membantu rakyat jelata di masa keadaan ekonomi yang lembab ini. Kerajaan memang sedar akan kesusahan rakyat jelata terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Kerana itu Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan harga runcit barang-barang keperluan ditetapkan pada paras harga yang stabil dan menasabah,

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan tertentu telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan serta mengurangkan harga barang-barang keperluan. Di antara tindakan-tindakan yang di ambil ialah:

- (a) Menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kaji Semula Harga di mana ianya dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan Malaysia dan juga Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-Pengguna Kebangsaan bagi menetapkan harga beberapa jenis barang keperluan utama.
- (b) Bagi barang-barang lain pula, para peniaga adalah bebas untuk menawarkan harga jualan mereka berasaskan kepada kos pengeluaran, pembelian dan kos pengendalian yang lain. Walau bagaimanapun, penjual runcit barang-barang ini adalah diwajibkan untuk mempamerkan tanda harga barang-barang ini di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit 1977).
- (c) Mengisytiharkan sebanyak 20 jenis barang keperluan sebagai barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis lagi sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan menjadikan barang-barang ini sebagai barang-barang kawalan, Kerajaan dapat mengawasi dan menentukan supaya bekalan barang-barang ini sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan pengguna-pengguna dan secara tidak langsung dapat menstabilkan harga barang-barang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, dengan langkah-langkah yang dinyatakan tadi dan tindakan-tindakan menyeluruh yang diambil oleh Kerajaan, harga barang-barang keperluan dapat distabilkan. Sebarang kenaikan harga yang berlaku dari masa ke semasa adalah di paras yang munasabah dan berpatutan.

Menyentuh tentang isu menarik pelabur-pelabur asing, terutama sekali ke negeri Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah Mohd. Said, sukacita saya memaklumkan bahawa dalam usaha mencapai matlamat perindustrian, keutamaan tidak ditumpukan kepada sesuatu negeri sahaja. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia membantu dan bekerjasama dengan mana-mana Kerajaan Negeri dalam usaha menarik pelabur-pelabur ke negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King juga telah menyentuh berkenaan aspek pelaburan asing ini. Beliau telah mencadangkan supaya Kerajaan melonggarkan atau mengubahsuaikan syarat-syarat yang dikenakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk melonggarkan lagi syarat-syarat dan peraturan-peraturan berhubung dengan pelaburan seperti kelonggaran syarat ekuiti terhadap pelaburan asing di mana pelabur-pelabur asing dibenarkan meminjam 100% ekuiti di dalam projek-projek di mana 50% atau lebih daripada keluarannya adalah untuk dieksport dan juga bagi projek-projek yang menggaji 350 orang pekerja atau lebih, Kerajaan telah juga melonggarkan syarat-syarat berhubung dengan penggajian pegawai-pegawai asing, Projek-projek di mana modal dibayar oleh pelabur asing lebih daripada US\$2 juta adalah dibenarkan menggaji 5 orang pegawai asing secara automatik. Lain-lain pegawai asing akan diberi pertimbangan, tetapi mengikut meritnya.

Kerajaan telah juga melonggarkan syarat pelesenan kilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Coordination Act). Di bawah kelonggaran in projek-projek perkilangan yang mempunyai modal saham \$2.5 juta ke bawah ataupun yang menggaji kurang daripada 75 orang pekerja sepenuh masa adalah dikecualikan daripada pelesenan.

Dengan **ini**, syarikat-syarikat seperti ini tidak akan lagi dikenakan apa-apa kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Hussein Ahmad telah menarik pandangan Kerajaan kepada isu bantuan teknikal dan mencadangkan agar Kerajaan berhati-hati dalam memberikan bantuan kepada negara lain supaya tidak wujud nanti persaingan dalam pasaran di mana negara tersebut marupu menjual dengan harga yang lebih murah. Kerajaan memang sedar akan perkara ini dan akan menentukan bahawa apa-apa bantuan yang akan diberikan kepada negara lain tidak akan menimbulkan persaingan besar kepada industri tempatan. Bantuan teknikal yang diberikan setakat ini hanya kepada negara-negara kecil dan adalah terhad kepada bantuan yang difikirkan tidak akan menimbulkan masalah kepada ekonomi negara.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Umpamanya, Pusat Daya Pengeluaran Negara telah memberi bantuan teknikal melalui 3 program, iaitu:

- (1) Sijil Penyeliaan Hotel dan Restoran;
- (2) Sijil di Dalam Penyeliaan; dan
- (3) Program Peningkatan Produktiviti menerusi Kaji Kerja.

Namun demikian, kepakaran ini tidaklah menjejaskan daya persaingan kita kerana jenis-jenis pengetahuan tersebut merupakan pengetahuan yang 'universal'. Bagaimanapun, dengan program-program berkenaan dapat memupuk muhibah dan kerjasama dua hala dengan negara-negara berkenaan. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

4.32ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan tegaran masing-masing ke atas isu-isu dan masalah-masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah mengenai hal-hal keselamatan dalam negeri, penyalahgunaan dadah dan masalah pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah menyentuh masalah anasir-anasir subversif di dalam badan-badan politik dan juga masalah ancaman komunis yang bersifat "gunting dalam lipatan". Suka saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi anasir-anasir subversif termasuk kegiatan komunis, bukan sahaja yang menyerap masuk ke dalam badan-badan politik bahkan juga lain-lain pertubuhan, termasuk orang-orang perseorangan dan juga apabila terbukti penglibatan mereka dalam kegiatan tersebut, Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah berhubung dengan Akta Dadah Berbahaya. Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan sememangnya mengambil perhatian berat ke atas semua jenis dadah sama ada dari jenis baru ataupun jenis yang sedia ada. Kerjasama dari semua pihak, termasuk dari negara luar sememangnya sentiasa dititikberatkan bagi mengatasi masalah dadah. Hukuman-hukuman berat ke atas pengedar dan juga penagih dadah telah dan akan terus diambil. Kerajaan sentiasa

mengkaji undang-undang yang sedia ada dan pindaan-pindaan akan dibuat sekiranya perlu dalam usaha membanteras kegiatan tersebut,

Mengenai kegiatan menghidu gam, kerjasama dari semua pihak adalah perlu dalam memberikan maklumat: mengenai kegiatan ini bagi membolehkan Kerajaan mengkaji bentuk tindakan yang akan diambil kelak selaras dengan bahaya ancamannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni telah membangkitkan isu pengusiran 2 orang wartawan 'The Asian Wall Street Journal'. Tindakan mengusir mereka itu diambil setelah Kerajaan berpuas hati dengan kes tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi, Kerajaan juga boleh dibawa ke mahkamah seperti juga dengan kes-kes yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan G, Rajoo menyatakan bahawa ada pawagam-pawagam di negara ini yang telah menayangkan filem-filem lucah untuk tontonan umum. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa menapis semua filem dan pita video dengan teliti dan rapi bagi mengelak penyebaran atau penayangan filem-filem yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan kepentingan negara, termasuk kepentingan menjaga akhlak mulia masyarakat Malaysia. Dalam pada itu, terdapat juga segelintir pengusaha pawagam atau pentaga-peniaga pita video yang menayang atau mengedar filem-filem dan pita-pita video lucah. Kementerian Dalam Negeri telah bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat dengan perkara ini. Orang awam juga boleh bertindak secara berkesan dengan cara melaporkan perkara ini kepada pihak Polis supaya tindakan undang-undang dapat diambil terhadap orang-orang yang terlibat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia mengenakan visa kepada rakyat Singapura sebelum mereka memasuki negara ini. Syor tersebut perlu dikaji secara mendalam terlebih dahulu kerana ianya melibatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah yang timbul berikutan dengan kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said dan Yang Berhormat Tuan Koh Im Pin, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri memang memandang serius terhadap kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini. Oleh yang demikian, tindakan tegas telah, sedang dan akan terus diambil untuk menangkap, mendakwa dan mengusir mana-mana pendatang haram yang dikesan berada di negara ini. Selain daripada meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di perairan Malaysia serta mengemaskan kawalan di sempadan daratan. Tindakan tegas juga akan diambil ke atas mana-mana orang yang didapati bersubahat atau memberi perlindungan kepada pendatang-pendatang haram di negara ini. Tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri akan menjadi lebih berkesan sekiranya orang ramai memberikan maklumat kepada Kerajaan mengenai pendatang-pendatang haram atau keterangan ke atas orang-orang yang bersubahat atau membantu pendatang-pendatang haram.

Mengenai pendatang-pendatang haram Indonesia, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa Indonesia untuk mengatasi masalah yang dihadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran pendapat-pendapat dan syor-syor mengenai isu-isu dan masalah-masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri, Bagi mana-mana teguran, pendapat dan syor yang tidak sempat saya jelaskan, saya suka menyatakan bahawa teguran-teguran, pendapat-pendapat dan syor-syor tersebut akan dikaji dan diberi perhatian sewajarnya, termasuklah apa yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya sebagai peserta yang terakhir dalam membahaskan perkara ini, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk memberikan jawapan. Dipersilakan.

4.38 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberikan pandangan, teguran dan saranan terhadap Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, perkara ini bukanlah kesalahan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Yang Berhormat sendiri. Apa yang sepatutnya dilakukan ialah Yang Berhormat hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada Parlimen yang mengesahkan bahawa Yang Berhormat adalah seorang Ahli Parlimen dan layak mendapatkan pengecualian cukai jalan. Jika sekiranya Yang Berhormat mempunyai surat yang berkenaan itu, Yang Berhormat tidak akan menghadapi sebarang masalah.

Berhubung dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad mengenai kekurangan suratkhobar-suratkhobar di dalam Bahasa Malaysia di dalam penerbangan-penerbangan MAS, saya ingin memaklumkan bahawa MAS sentiasa berusaha untuk membawa suratkhobar-suratkhobar yang mencukupi untuk bacaan penumpang-penumpang. Tetapi saya ingin memaklumkan bahawa satu masalah yang sedang dihadapi oleh MAS ialah setengah daripada penumpang-penumpang membawa balik suratkhobar-suratkhobar yang telah diedarkan di dalam penerbangan-penerbangan MAS, walaupun suratkhobar-suratkhobar ini hanyalah untuk tujuan bacaan penumpang-penumpang di dalam penerbangan-penerbangan MAS.

Ini adalah satu daripada sebab-sebab yang mengakibatkan kekurangan di dalam bekalan suratkhobar, khususnya bagi penerangan-penerbangan sambungan.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa oleh sebab penumpang-penumpang dalam penerbangan-penerbangan MAS meminta berbagai jenis suratkhobar dan majalah-majalah, dan ruangan di dalam kapalterbang MAS untuk membawa bahan-bahan bacaan ini adalah terhad, MAS berusaha untuk membawa bahan-bahan bacaan yang mencukupi dan juga yang digemari oleh kebanyakan penumpang-penumpang MAS. Oleh yang demikian, MAS sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membawa bahan-bahan bacaan yang mencukupi, khasnya bahan-bahan bacaan di dalam Bahasa Malaysia, di dalam semua penerbangan-penerbangan MAS di dalam negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk memberi jawapan.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan cadangan mereka ke atas tanggungjawab Kementerian Kerjaraya. Saya dengan ini sukacitanya menjawab teguran dan cadangan tersebut untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator R.M, Jasni telah meminta Kerajaan supaya mengambilalih jalan-jalan balak di Sabah untuk dijadikan lebuh raya bagi menghubungkan kawasan-kawasan penempatan dan pertanian yang penting dan mengikut beliau ini akan dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan Persekutuan sememangnya telah mengambilalih beberapa jalan utama di negeri Sabah. Pengambilalih jalan-jalan tersebut berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:

- (a) Jalan-jalanraya besar menuju ke pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa;
- (b) Jalan-jalanraya yang menghubungkan dua buah negeri atau lebih;
- (c) Jalan-jalanraya menuju ke stesyen televisyen dan telekom;
- (d) Jalan-jalanraya yang menuju ke sempadan-sempadan antarabangsa; dan
- (e) Jalan-jalanraya utama yang menghubungkan bandar-bandar besar.

Tuan Yanp di-Pertua, walau bagaimanapun, terdapat beberapa jalan yang tidak diambilalih tetapi Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan untuk membina beberapa jalan tersebut yang mana didapati penting untuk dibina segera.

Sebagai contoh, beberapa jalan pertanian yang telahpun ditender pada tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Jalan dari Lahat Datu ke Bekapit yang kosnya dianggarkan berjumlah \$19 juta;
- (ii) Jalan dari Tawau ke Merutai yang kosnya dianggarkan berjumlah \$20.3 juta; dan
- (iii) Jalan dari Sapi ke Nangoh yang kosnya dianggarkan berjumlah \$17.6 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya bercadang untuk membina lebih banyak lagi jalan-jalan-

raya di Sabah, tetapi memandangkan keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan, Kerajaan terpaksa mengagih-agihkan peruntukan kepada beberapa negeri lain yang juga memerlukan peruntukan bagi membina jalan-jalan di negeri mereka masing-masing.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mengambilalih jalan-jalan balak di negeri Sabah, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telahpun menyelenggara jalan-jalan balak tersebut melalui peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah peruntukan state road grant, dengan izin. Terpujanglah kepada Kerajaan Negeri berkenaan untuk menaikkan taraf jalan-jalan balak ini kepada taraf jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kenneth Kyanan Temenggong Koh pula meminta Kerajaan supaya menurapkan jalanraya yang penting di Sarawak, seperti jalanraya yang menghubungkan bandar Simanggang dari Sibul ke Bintulu dan dari Bintulu ke Miri. Mengikut beliau jalan-jalanraya tersebut belum lagi ditarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Persekutuan telah memberi perhatian berat ke atas jalanraya utama seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Buat masa sekarang kedudukan pembinaan jalanraya tersebut adalah seperti berikut:

(1) Dari Simanggang ke Sibul

Panjang jalan yang telah diturkan adalah 34 kilometer. Kerja-kerja menurap sedang dijalankan di Bahagian Keenam, iaitu dari Pekan ke Simpang Sarikei yang panjangnya 6 kilometer dan di Bahagian Ketiga, iaitu dari Simpang Jalan Ulu Oya ke Duren sepanjang 17.6 kilometer. Kerja-kerja ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya Sarawak secara departmental, dengan izin.

(2) Dari Sibu ke Bintulu

Panjang jalan yang telah diturapkan adalah 14 kilometer. Bagi kerja-kerja yang sedang dijalankan ialah di kawasan berhampiran dengan bandar Sibu dan bandar Bintulu. Jumlah jaraknya lebihkurang 48 kilometer. Kerja-kerja tersebut adalah dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya Sarawak secara departmental, dengan izin. Di samping itu, kerja-kerja penurapan jalan dari bandar Bintulu ke Tatau sepanjang 11 kilometer telahpun ditawarkan.

(3) Dari Miri ke Bintulu

Panjang jalan yang telah diturapkan adalah 68 kilometer. Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya Sarawak secara departmental, dengan izin, adalah dari bandar Miri ke Sungai Bakap dan dari Bintulu ke Suai sepanjang 52 kilometer. Selain daripada itu, satu kontrak yang meliputi 27 kilometer telahpun dilaksanakan di bahagian jalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah cadangan-cadangan yang sempat saya jawab dan sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, Kerajaan dan Kementerian Kerjaraya akan mengambil perhatian dan jika perlu tindakan yang wajar akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dipersilakan.

4.48ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas beberapa pandangan serta perhatian yang diberikan kepada perkara yang berkait dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa perbahasan atas Titah Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Menyentuh tentang ucapan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin dan Yang Berhormat Encik Wong Kie Yik yang telah membangkitkan perkara berhubung dengan integrasi nasional, saya amat berterima kasih kepada mereka kerana saranan serta kesedaran mereka amatlah dihargai. Sukacita saya menambah bahawa salah satu daripada matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk menubuhkan perpaduan kaum melalui Kebudayaan Kebangsaan, melalui penglibatan seraua kaum dari berbagai aktiviti dan program Kebudayaan Kebangsaan, jurang perbezaan kaum adalah diharap dapat dikurangkan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan cuba sedaya-upaya ke arah ini dengan menekankan perhatian rakyat kepada simbol-simbol budaya yang bersifat Malaysia seperti Lagu Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan seperti di dalam Perlembagaan Persekutuan dan perkara yang sehubungan denganya kerana ianya akan dapat menjalinkan semangat bangsa, cinta dan kasih serta setia kepada negara ini.

Di samping itu satu cawangan khas telah ditubuhkan di Kementerian ini yang dinamakan Cawangan Perpaduan Belia yang mana mengadakan berbagai aktiviti dengan tujuan integrasi nasional dan perpaduan kaum. Projek-projek seperti khemah kerja perpaduan, pengembaraan, perkhemahan pada musim cuti sekolah, lawatan sambil belajar di antara negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, adalah di antara lain yang membantu mencapai integrasi nasional dan perpaduan belia. Tiap-tiap projek anjuran Cawangan ini khasnya dan Kementerian ini amnya, menekankan penyertaan berbagai kaum supaya integrasi nasional dapat dicapai. Selain daripada Kementerian ini, Majlis Belia Malaysia juga membantu dalam usaha ini di mana segala aktivitinya adalah disertai oleh belia berbagai kaum.

Menyentuh tentang pandangan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said berhubung dengan pengharaman konsert rock bagi mengelakan keruntuhan moral terutamanya para remaja di negara ini, sukacita saya menegaskan bahawa persembahan rock berat secara persembahan umum terbuka adalah tidak dibenarkan. Persembahan umum terbuka adalah dimaksudkan sebagai persembahan tuntunan ramai sama ada di pentas terbuka, di pentas dalam arena, di dewan orang ramai atau seumpamanya, misalnya di panggung anniversari, stadium-stadium, dewan-dewan dan lapangan terbuka.

Musik rock hanya boleh dimainkan di acara-acara persendirian atau persembahan-persembahan di kelab-kelab malam, Satu garis panduan yang kemaskini sedang disediakan oleh Jawatankuasa bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan untuk dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Perkara ini telah dijawab pada 3hb Disember, 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad yang membidas mereka yang menafikan unsur-unsur kebudayaan seperti penggunaan Bahasa Kebangsaan. Perlembagaan Persekutuan telah jelas menyatakan bahasa Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi tetapi bahasa lain tidak dihalang untuk digunakan selain daripada kegunaan rasmi. Oleh itu, perkara ini tidak sepatutnya timbul sebagai satu isu kerana ianya telah dipersetujui oleh semua kaum yang menjadi rakyat negara ini.

Berhubung dengan dasar kemasukan artist-artist luar, Kementerian ini dengan Kementerian Penerangan dan Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha mengadakan satu garis panduan bagi mengawal kemasukan artis-artis luar, termasuk yang melibatkan disiplin, persembahan, bahasa, lagu, pakaian serta muzik.

Di samping itu, saya juga menyokong ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ujang yang menegur kalangan yang menafikan konsep ke arah pembentukan keperibadian Malaysia. Perkara ini tidak perlu dipersoalkan lagi kerana memang telah sedia terdapat nilai-nilai dan unsur-unsur lain di dalam Kebudayaan Kebangsaan hasil dari proses penerapan dan peresapan sejak satu abad yang lalu. Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip kedua Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Akan, tetapi penerimaan

unsur-unsur lain ke dalam Kebudayaan Kebangsaan adalah dipertimbangkan dari segi kesesuaian dan berdasarkan kepada sifat universalisme dan persamaan nilai-nilai ciri tersebut.

Tuan Yang di-Peretua, menyentuh tentang soal pertubuhan pengakap, di mana menurut Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, tidak mendapat bantuan dari mana-mana pihak. Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa sepanjang tahun 1986 sahaja, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memperuntukkan sebanyak \$112,500 kepada Persatuan Pengakap Malaysia. Bantuan ini meliputi perbelanjaan untuk pentadbiran tahunan, Jambori Pengakap Kebangsaan Ke-6, latihan-latihan kepimpinan dan rangsangan, membina bangunan Majlis Pengakap Negeri Kedah dan Konvensyen Pengakap Negeri Selangor. Di samping itu kemudahan-kemudahan untuk mengikuti kursus-kursus kepimpinan, kemahiran dan lawatan-lawatan dalam dan luar negeri juga disediakan kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli pengakap bagi seluruh negara.

Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya yang telah menyuarakan masalah penghijrahan belia-belia ke bandar. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khasnya bahagian belia, telah melaksanakan berbagai-bagai program latihan, pembangunan ekonomi, pergerakan dan perpaduan belia di seluruh negara dengan kekerapan yang lebih kurang sama untuk tiap-tiap negeri. Kelulusan peruntukan ini adalah bergantung kepada keluasan sesebuah negeri dan pensesuaian projek yang hendak diadakan itu. Program ini dilaksanakan bukan sahaja pada peringkat daerah tetapi sampai ke peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan.

Dengan usaha-usaha ini, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai keyakinan yang penuh bahawa para belia negara akan

memperolehi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang sama dan sekali gus dapat menyekat penghijrahan mereka ke bandar-bandar besar. Dari segi pembahagian projek ini juga tidak memungkinkan para belia merasa cemburu membuatkan mereka berpindah dan berhijrah ke bandar.

Dalam masalah ini bahagian Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mendapat maklum balas yang terang dan perangkaan yang tepat berhubung dengan penghijrahan para belia luar bandar ke bandar-bandar. Walau bagaimanapun memandangkan kepada masalah sosial ekonomi belia bandar di akhir-akhir ini begitu ketara dan membimbangkan, pihak Kerajaan, Bahagian Belia telahpun mengadakan satu 'pilot project' pada Februari, 1986 yang lalu yang bertajuk "Seminar Masalah Sosio-ekonomi belia bandar" di Pusat Latihan Belia, Peretak, Kuala Kubu Baru, Selangor. Ekoran daripada sambutan projek ini amat menggalakkan, pihak Kementerian bercadang untuk mengadakannya di seluruh negara dari masa ke semasa mulai tahun 1987 akan datang.

Berbagai-bagai kategori pertubuhan belia negara akan diturutsertakan dalam menyertai projek ini. Pemimpin-peraimpin pertubuhan, kelab-kelab servis, kebajikan, sosial dan badan-badan akademik juga akan diundang untuk menyertai projek ini. Ini kerana pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkeyakinan bahawa mereka ini adalah penting bagi menghidupkan projek ini bagi mengeluarkan berbagai-bagai idea bernas untuk mengatasi masalah-masalah belia bandar. Pihak Kementerian juga bercadang untuk mengadakannya bukan sahaja di peringkat negeri bahkan juga sampai ke peringkat kebangsaan.

Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih sekali lagi ke atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, dipersilakan - tidak hadir. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dipersilakan untuk memberi jawapan.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan kepada pandangan, teguran dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan program dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mazidah binti Haji Zakaria telah menimbulkan soal Dasar Pelajaran Kebangsaan dan menyarankan supaya perlaksanaannya hendaklah selaras dengan matlamat yang dihasratkan oleh Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib dilaksanakan.

Beliau juga telah mengesyorkan supaya Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) disesuaikan dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi mewujudkan keperibadian kebangsaan serta melahirkan rakyat yang kuat berusaha, boleh berfikir, bertaqwa dan berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya suka menegaskan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan memang sudah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, kerana ia sesuai dengan matlamat dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan aspirasi negara seluruhnya. Pada tahun 1974 Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran telah mengkaji semula Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan tujuan untuk membaiki perlaksanaannya supaya matlamat melahirkan masyarakat ber-satu padu, berdisiplin serta menghasilkan tenaga manusia bagi pembangunan negara ini dapat dicapai. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan lebih gigih lagi seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin. Salah satu langkah-langkah yang akan diambil ialah mengkaji semula Akta Pelajaran 1961 secara yang lebih menyeluruh dengan tujuan untuk memperkemaskinikan dan memperkukuhkannya supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan itu dapat dihayati oleh semua pihak dan memudahkan perlaksanaannya dengan lebih teratur dan berkesan bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

Berhubung dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran akan mengkaji dengan lebih mendalam dan meluas dengan mengambil kira matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang mempunyai keperibadian kebangsaan yang kukuh, kuat berusaha, boleh berfikir dan berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein bin Ahmad supaya istilah "bahasa ibunda" diberi penjelasan dan definisi yang tepat untuk mengelakkan kekeliruan, ingin saya menjelaskan bahawa mengikut bahasa Melayu, "bahasa Ibunda" ialah bahasa negara dan buktinya bahasa asal sesuatu kaum seperti yang difahami istilah "mother tongue", dengan izin, dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana itu rakyat Malaysia yang mengakui negara ini sebagai negara tempat lahirnya serta menganggapnya sebagai ibu pertiwi sudah sepatutnyalah menerima Bahasa Malaysia sebagai "bahasa ibunda" atau sebagai bahasa negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah menyarankan supaya pengambilan pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi tempatan ditambah bagi mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan. Di antara langkah-langkah itu ialah meluaskan kampus-kampus induk yang sedia ada dan menubuhkan kampus-kampus cawangan seperti di Likas, Sabah; Bintulu, Sarawak; Kuala Terengganu, Terengganu; Kubang Kerian dan Bachok di Kelantan; Skudai, Johor dan Sri Iskandar, Perak. Di samping itu, beberapa Jabatan dan program baru telah diwujudkan tahun demi tahun. Hasil daripada usaha ini, bilangan pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan dapat ditambah dari 5,301 orang dalam tahun 1980 kepada 8,213 orang dalam 1985 iaitu pertambahan seramai 2,712 orang atau 49.3%. Selain daripada itu pengambilan tahun hadapan akan ditambah sebanyak lebih kurang 25% lagi.

Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo juga telah menyarankan supaya seramai lebih 54 guru-guru sandaran Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang mempunyai pengalaman mengajar selama 20 tahun tetapi tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan diserapkan dalam jawatan tetap.

Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, memang menyedari terdapat guru-guru sandaran tanpa latihan yang berkelayakan Darjah Tujuh (Tamil) yang berkhidmat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) selama lebih 15 tahun dan berusia lebih daripada 40 tahun. Walau bagaimanapun, syarat yang dikenakan untuk calon-calon mengikuti Kursus Perguruan Asas dan Kursus Dalam Cuti ialah lulus SPM dengan sekurang-kurangnya empat kepujian termasuk Bahasa Malaysia. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk melonggarkan syarat kelayakan akademik ini kerana kita tidak menghadapi masalah mendapatkan calon-calon yang berkelayakan. Jika syarat-syarat ini dilonggarkan taraf pengajaran dan seterusnya taraf pelajaran di negara akan terjejas dan juga kita berharap bahawa guru-guru ialah golongan yang membantu Kerajaan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sudah tentulah dasar bahasa negara. Oleh kerana itu adalah menjadi satu perkara yang ganjil sekiranya guru-guru tidak fasih dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said pula meminta supaya mata pelajaran Agama Islam dijadikan matapelajaran wajib Sekolah Rendah hingga ke peringkat universiti. Berhubung dengan perkara ini, saya suka menjelaskan bahawa matapelajaran Agama Islam memang wajib diikuti oleh semua murid yang beragama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah. Walau bagaimanapun, mereka tidak diwajibkan untuk mengambilnya di dalam peperiksaan. Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menjadikan Kursus Pengajian Islam sebagai matapelajaran wajib di institusi-

institusi pengajian tinggi tempatan. Walau bagaimanapun, semua institusi pengajian tinggi tempatan telah pun melaksanakan Kursus Tamadun Islam di mana 3 buah universiti mewajibkan Kursus Tamadun Islam ke atas pelajar-pelajarnya iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Utara Malaysia, manakala Universiti Sains Malaysia dan ITM mewajibkannya kepada pelajar-pelajar Islam. Universiti Malaya pula menawarkan Kursus Tamadun Islam secara sukarela kepada pelajar Islam dan bukan Islam yang berminat. Universiti Pertanian Malaysia pula bercadang untuk mewajibkan Kursus Tamadun Islam kepada pelajar-pelajarnya pada sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chan Choon Tak telah menimbulkan soal calon-calon STPM yang mendapat markah tinggi tidak dapat masuk ke universiti. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa kelayakan akademik seseorang pelajar itu memanglah menjadi syarat utama bagi pemilihan memasuki universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, kemasukan tersebut bergantung juga kepada kuota yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan. Perkara ini sebenarnya bertujuan untuk mengimbangkan bilangan pelajar dari berbagai kaum dan mewujudkan keadilan dalam pembahagian tempat di universiti-universiti tempatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penetapan tarikh-tarikh permulaan peperiksaan awam, Kementerian Pelajaran tidak dapat menetakannya kerana tarikh-tarikh peperiksaan terpaksa diselaraskan dengan minggu-minggu persekolahan penggal ketiga, Selain daripada itu, ianya juga mengambil kira cuti awam yang terlibat semasa peperiksaan dijalankan. Contohnya, peperiksaan SPM dijalankan pada hari Isnin minggu pertama cuti persekolahan penggal ketiga. Walau bagaimanapun, perubahan tarikh pada tiap-tiap tahun hanya berbeza

antara satu hingga empat hari sahaja,

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nasir bin Manap, Kementerian Pelajaran memang ada menjalankan kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih di Institut Bahasa. Guru-guru bahasa Inggeris pula di hantar ke Universiti Malaya dan juga ke luar negeri bagi mendapatkan latihan lanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom telah menimbulkan masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran. Beliau mengesyorkan supaya membenarkan orang perseorangan, pihak swasta dan syarikat-syarikat untuk melatih guru-guru. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah mengadakan perancangan untuk menambah calon-calon guru dilatih di maktab-maktab perguruan di seluruh negara. Sejak dua tahun yang lalu Kementerian Pelajaran telah menambah calon-calon tersebut dan 5,000 orang kepada 10,000 orang. Di samping itu Kementerian Pelajaran telah juga meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelayakan yang sesuai dan berpengalaman.

Mengenai siswazah-siswazah menganggur, Kementerian Pelajaran telah memberi tawaran kepada pemegang-pemegang biasiswa JPA dan MARA yang mempunyai ijazah dalam bidang sastera untuk dilantik sebagai guru sandaran tanpa latihan. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan guru ini tidaklah dapat diatasi dengan serta merta. Calon-calon itu walau di manapun mereka dilatih memerlukan jangka masa tertentu untuk mengikuti dan menamatkan latihan masing-masing, Kementerian Pelajaran merancang masalah kekurangan guru ini dapat diatasi menjelang tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat telah menyarankan supaya penghantaran pelajar-pelajar

ke luar negeri dikurangkan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri. Di antara langkah-langkah itu ialah mengadakan program "A" level, A.A.D dan Kelas-kelas Matrikulasi" di negara ini. Setakat ini Kerajaan telahpun dapat menjimatkan kira-kira \$65,133,655.00 setahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus yang tidak terdapat di negara ini, disamping untuk memperseimbangkan kadar penyertaan mengikut kaum di peringkat pelajaran tinggi serta menentukan pelaksanaan "equality of access to higher education" dengan izin, di negara ini tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah mengemukakan cadangan mengenai pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum dibuat secara kelompok bagi sekolah-sekolah yang berhampiran tanpa mengira jenisnya seperti Sekolah Cina, Tamil dan Sekolah Kebangsaan. Sebenarnya, Kementerian Pelajaran telah dan sedang menjalankan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang menekankan kegiatan ko-kurikulum hendaklah dijalankan bersama oleh ketiga-tiga jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Program yang sedang dilaksanakan di peringkat percubaan ini akan diperluaskan lagi jika didapati sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya sekali lagi untuk menyatakan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberikan teguran-teguran dan kritikan-kritikan terhadap program dan aktiviti Kementerian ini dan pandangan-pandangan ini insya Allah akan ambil kira untuk memperkemaskinikan sistem pelajaran kebangsaan kita. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ucapan-ucapan mereka ini tidak dapat saya sentuh dan tidak dapat saya ulas, insya Allah apa-apa sahaja jenis teguran yang tidak dapat saya sebutkan di sini, kita akan ambil kira. Namua demikian, Kementerian akan meneliti semua pandangan-pandangan ini untuk diambil tindakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Buruh menjawab. Silakan Yang Berhormat.

5.12ptg.

Menteri Buruh [Dato' Lee Kim Sai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Buruh. Semua pasangan, teguran serta cadangan tersebut telah diambil ingatan untuk diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit huraian ke atas isu pengangguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mazidah binti Haji Zakaria yang telah melahirkan kekhawatirannya terhadap kadar pengangguran yang kian meningkat khususnya di kalangan siswazah. Yang Berhormat Senator Mazidah khawatir akan pengangguran mungkin akan mencetuskan ketegangan serta menggugat kestabilan negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sukalah saya memberitahu bahawa Kerajaan pada keseluruhannya memang sedar akan keadaan pengangguran yang dialami oleh negara ini sekarang, Kerajaan melalui berbagai-bagai agensinya sedang mengawasi keadaan ini di samping melaksanakan berbagai-bagai program untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Kementerian Buruh melalui Pejabat-pejabat Pekerjaan akan sentiasa berikhtiar untuk membantu pencari-pencari kerja yang telah mendaftarkan diri dengan Kementerian, ditempatkan di pekerjaan-pekerjaan yang sesuai, termasuk orang-orang yang mempunyai kelulusan universiti.

Di sini, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk memberitahu bahawa perkhidmatan Pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian yang ingin mendaftarkan diri ataupun untuk majikan-majikan yang

ingin mendapatkan pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, saya berharap lebih rama pencari kerja dan majikan akan menggunakan perkhidmatan Pejabat-pejabat Pekerjaan Kementerian Buruh.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang mana saya berpendapat harus diberi jawapan khusus ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Mohd. Said. Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah telah menyeru agar Kerajaan mendapatkan kerjasama daripada Kesatuan-kesatuan Sekerja supaya pertumbuhan-pertumbuhan ini dapat memainkan peranan yang berguna kepada negara dan masyarakat. Kementerian Buruh serta saya sendiri memang sentiasa menggesa agar Kesatuan-kesatuan Sekerja memberi kerjasama kepada Kerajaan dan juga kepada majikan-majikan demi kepentingan semua pihak. Walaupun terdapat beberapa cadangan daripada Kerajaan yang mana ditentang hebat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja, saya akan terus mengadakan dialog dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja dengan tujuan untuk mendapatkan kerjasama mereka dalam menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh negara ini khususnya dalam usaha-usaha kita untuk memelihara suasana kedamaian perusahaan supaya dapat mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menarik. Dengan adanya lebih pelaburan maka pertumbuhan ekonomi akan ditingkatkan dan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk memberi jawapan, silakan.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran ke atas Kementerian Pertanian semasa perbincangan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari.

Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya telah membangkitkan mengenai dengan pembangunan tanah terbiar. Ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah terlibat di dalam usaha-usaha untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan dan pemulihan sawah terbiar, sementara Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bertanggungjawab ke atas program pemulihan tanah terbiar yang lain. Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah untuk mempercepat dan mempergiatkan pemulihan sawah terbiar. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya bagi membiayai penyediaan kemudahan infrastruktur dan keperluan kredit pertanian.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan beberapa kaedah terbiar. Jentera perancangan dan penyelarasan di peringkat akar umbi seperti Jawatankuasa Perancangan dan Perhubungan di antara

agensi-agensi di peringkat-peringkat negeri dan daerah telahpun ditubuhkan dengan tujuan di antaranya untuk mengenalpasti dan menyelaraskan projek-projek pemulihan sawah terbiar. Melalui majlis dailog dan perbincangan dengan tuan-tuan tanah yang terlibat akan diberi maklumat dan nasihat mengenai cadangan untuk memulihkan tanah tersebut dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan. Projek-projek tersebut boleh diusahakan oleh mereka sendiri secara berkelompok, mini estet, perseorangan dengan bantuan jabatan, agensi berkaitan atau diserahkan kepada pihak yang berminat termasuk syarikat swasta, pertubuhan peladang, kawasan petani, siswazah dan sebagainya.

Di samping itu Kementerian juga telah mengenalpasti seluas 19,000 hektar tanah terbiar yang telah diusahakan oleh pihak swasta atau belia-belia yang berminat. Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai program khas iaitu program pembangunan belia tani di mana belia-belia siswazah yang berminat boleh mengusahakan tanah-tanah terbiar yang telah dikenalpasti itu dan adalah diharapkan ini dapat mengurangkan penghijrahan belia-belia ke bandar.

Berhubung dengan Kempen Kelapa Muda seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, ingin saya jelaskan di sini bahawa FAMA telah mengambil kira bahawa kelapa-kelapa muda tidak akan berubah rasanya dalam masa lima ke tujuh hari lepas dipetik dengan syarat tampoknya dihalakan ke atas semasa dalam simpanan. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui MARDI belum menjalankan kajian mengenai kesan air kelapa ke atas kesihatan manusia jika keadaan memerlukan.

Mengenai program ternakan lembu tenusu pula, penyertaan penternak-penternak dalam program ini bergantung kepada keupayaan masing-masing dan berpandukan juga kepada pasaran susu segar. Penternakan tenusu memerlukan masa, tenaga dan bentuk pengurusan yang khusus dan penternak-penternak perlu juga menyesuaikan usaha ini dengan usaha-usaha lain yang dijalankan oleh mereka.

Penternak-penternak yang mempunyai kecenderungan yang tinggi dan berkeupayaan memanglah diberikan galakan dan bantuan. Bagi penternak-penternak yang memilik untuk berhenti pegawai tidak akan menghalang mereka berhenti. Jabatan berpendapat bahawa mereka ini telah diberi peluang dan jika mereka tidak minat sudah pasti sukar mencapai kejayaan. Sebarang tenaga harus disalurkan kepada penternak-penternak yang berkemahuan mencapai kejayaan dan orang lain yang ingin mengambil bahagian. Pada amnya penyertaan dan program ini adalah dinamik, ada yang berhenti, ada juga yang menjadi penyertaan baru. Secara purata pengeluaran susu telah bertambah yang menunjukkan peningkatan hasil susu.

Di seluruh Semenanjung Malaysia daripada 6,500 penternak yang telah mendaftar di Pusat Pengumpulan Susu, sebanyak 2,000 penternak yang menghantarkan susu ke Pusat Pengumpulan Susu setiap hari. Jumlah kutipan susu di Pusat Pengumpulan Susu telah meningkat dari 7.9 juta liter pada tahun 1984 kepada 8.9 juta liter pada tahun 1985 dan 10 juta liter sebagai anggaran dalam tahun ini iaitu tahun 1986.

Berhubung dengan subsidi baja padi khasnya kepada masyarakat tani di Sabah, ingin saya jelaskan di sini bahawa ianya bukan di dalam bidang kuasa Kementerian Pertanian Persekutuan, maka oleh hal yang demikian perkara ini perlu dibangkitkan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran terhadap Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tidak hadir. Ada Ahli Jemaah Menteri lagi yang hendak memberi jawapan?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Puan Mazidah binti Haji Zakaria iaitu:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh".

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh".

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Mesyuarat ini selama 35 minit dan Persidangan ini akan disambung semula pada pukul 6.00 petang.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.25 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.01 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN [1986]

Bacaan Kali Yang Kedua

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini diminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$233,879,710 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Akta Perbekalan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1986 adalah berjumlah \$431,379,710, tetapi sebanyak \$233,879,710 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$197,500,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertanggung kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan terbesar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini ialah sebanyak \$222.6 juta di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Ianya dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Selain daripada itu, beberapa tambahan adalah dikehendaki bagi maksud-maksud bekalan seperti berikut:

Sebanyak \$5.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.46 - Jabatan Penerangan untuk menambah peruntukan perkhidmatan dan bekalan serta pemilikan harta modal bagi Jabatan ini.

Sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.62 - Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebagai bayaran balik kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berkaitan dengan penjualan getah asli dengan harga diskaun kepada pengeluar-pengeluar barangan getah Malaysia.

Sebanyak \$2.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.56 - Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membiayai kerja-kerja pengubahsuaian dan sewaan ruang pejabat, pembelian alat-alat kelengkapan pejabat, perbelanjaan pengangkutan barang-barang perhubungan, utility dan bayaran kontrak pencuci pejabat berikutan dengan perpindahan Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan ke pejabat baru di Pusat Bandar Damansara. Yang lain adalah merupakan peruntukan tanda \$10 di bawah Maksud B. 18 - Kementerian Perusahaan Utama.

Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1986 adalah

seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1986 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1986. Dengan tambahan sebanyak \$233,879,710 yang diminta diluluskan di bawah fasal 2, Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1981 berjumlah \$14,209,098,800. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan tanggungan yang berjumlah \$8,176,452,000, maka jumlah besar anggaran besar perbelanjaan mengurus bagi tahun 1986 menjadi \$22,385,550,800.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Yang Berhormat hendak berucap? Persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

6.08 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat beberapa teguran dan pertanyaan di dalam pembentangan satu Akta untuk menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak \$233,879,710 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, bahawa wang ini telah dibelanjakan, telahpun habis, tetapi di dalam kita menghadapi zaman kemelesetan ekonomi yang lembab, belanja berjimat-cermat, sepatutnya jumlah wang tambahan sebagaimana biasa yang diminta supaya Dewan ini meluluskan tidakkah berlaku sebegitu banyak. Tetapi saya percaya dan saya nampak, oleh kerana pada tahun 1986 kita menghadapi Pilihanraya Umum, jadi tambahan-tambahan terbesar ini terutama sekali \$222,571.900 di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri yang diperuntukkan untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur dan sosial di kawasan bandar dan luar bandar, saya percaya ini melibatkan kepada sebahagiannya untuk melaksanakan projek-projek yang diminta oleh orang ramai, yang diminta oleh rakyat sama ada dalam bandar ataupun di luar bandar menjelang Pilihanraya Umum yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya satu daripada projek yang dijalankan menjelang pilihanraya di bawah projek-projek kecil prasarana atau infrastruktur kemudahan orang ramai ini ialah jalan simen yang mula-mula dibuat di Daerah Kuala Langat, lantas apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang merasmikan jalan itu, dinamakan "Jalan Seribu Tahun".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita merdeka dahulu penjajah ada membuat sebatang jalan simen di tempat kelahiran saya, daripada tambatan feri Peserai sampai ke Batu 7, sempadan di antara mukim kampung saya dengan satu mukim yang lain. Ini jalan simen yang dibuat pada tahun 20an. Tetapi jalan itu sebenarnya sekarang ini sudah hancur, sudah diturap semula dengan tar. Sekarang ini timbul pula rancangan Kerajaan kita akan membina beberapa batang jalan-jalan kampung yang akan dibuat dengan simen konkrit. Cuma cara pembinaannya digunakan tenaga sukarela yang dibayar tidak mengikut pembayaran seperti nilai harga gaji buruh yang sebenarnya. Apa yang saya khuatir, jalan yang diberi nama "Seribu Tahun" di Kuala Langat itu tidak sampai 10 tahun ia akan hancur. Jadi kenang-kenangan kita untuk mendapatkan sebatang jalan simen konkrit untuk 1,000 tahun nanti akan diketawakan oleh anak-anak kita. Ini saya percaya sebahagian daripada wang \$222 juta yang digunakan untuk membiayai projek-projek kecil, kerana itu juga termasuk projek-projek kecil.

Kemudian saya dapat tahu rancangan ini akan diperluaskan ke seluruh negara di mana-mana tempat yang sesuai. Saya menimbulkan ini, supaya projek yang seperti ini dibuat di kawasan-kawasan ataupun di daerah-daerah yang tanahnya berbukit, tanahnya padat.

Kalau di Kuala Langat, tanah gambut di daerah Kelang, tanah gambut di daerah Sabak Bernam, Tanjung Karang, tanah gambut dibina jalan yang seperti itu, di bawahnya nanti air bertakung, mudah jalan itu rosak. Sistem ini baik. Saya puji sistem ini baik, cuma kurang baiknya, kalau jalan tar di kampung dengan tar yang kasar misalnya, kalau budak-bukan jatuh tidak teruk sangat melecetnya. Tetapi apabila jalan simen, apabila budak-budak berlumba balik dari sekolah, jatuh, mengelupas dahi, siku, lutut kerana terlajak, terbanting di atas jalan simen konkrit itu kerana tajam. Saya bersetuju kerana ini tentulah satu cara yang baik yang Kerajaan fikirkan dengan belanja yang lebih murah dan lebih cepat kerana dalam tiga empat hari jalan sepanjang satu kilometer boleh siap dibuat. Saya bersetuju.

Apa yang saya minta ialah rancangan atau projek seperti ini dibuat di kawasan-kawasan yang daerah tanahnya padat, tanahnya kuat, tidak tanah gambut. Kemudian mengenai dengan membiayai projek-projek kecil, kemudahan asas yang memang di bawah tanggungan Jabatan Perdana Menteri yang saya percaya dan saya tahu bahawa wang ini ialah diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat atas nama peruntukan Wakil-wakil Rakyat. Sepatutnya peruntukan Wakil-wakil Rakyat ini, ada satu cara pembahagiannya iaitu mengikut kawasan dan jumlah kampung pengundi. Kalau seorang Wakil Rakyat diberi \$100,000 atau \$150,000 sama sahaja, tetapi kawasannya lebih luas, pengundinya lebih banyak, rakyat yang memerlukan kemudahan asas itu lebih ramai, tentu peruntukan untuk projek-projek kecil ini tidak cukup bagi satu-satu kawasan Wakil Rakyat yang luas. Sebab itu, kalau kita lihat satu kawasan pilihanraya yang luas, misalnya kawasan pilihanraya Sri Gading, sehingga sekarang ini di kawasan pilihanraya

Parlimen Sri Gading itu masih banyak kampung-kampung yang tidak menerima kemudahan asas, belum lagi menerima jalan tanah merah pun, bekalan air jauh sekali, bekalan elektrik hanya mimpi.

Suratkhabar hari ini atau semalam menyebutkan beberapa kampung masih lagi menggunakan air paip yang berwarna coklat untuk minuman, air, parit tanah gambut. Sedangkan kita mahu rakyat kita minum air yang sihat. Loji yang dibuat di Yong Peng tidak dapat membekalkan air ke situ. Kemudian di sepanjang jalan di antara Muar, Batu Pahat sejauh lebih kurang 40 kilometer, kalau kita lihat tempayan Abu Nawas, sekarang sudah tidak ada tempayan itu, tetapi air yang menitik di batang-batang paip, batangnya kukuh, besar, tetapi airnya tiada. Kemudian apa yang mendukacitakan, keadaan seperti itu di Selangor juga terlibat iaitu di kawasan Bukit Bangkong, Sepang, Tanjong Sepat, Batu Laut dan sebahagian Kuala Langat air itu tidak seperti yang diharapkan oleh orang ramai. Orang tidak gaduh kalau air tidak keluar sepanjang masa 24 jam. Ada masanya air keluar, ada masanya air tidak keluar. Orang tidak marah kerana orang tahu loji air di Semenyih belum dapat membekalkan air sepenuhnya. Takungan air di Ulu Kelang tidak dapat membekalkan air di kawasan Lembah Kelang. Sebab itulah ada rancangan hendak membuat satu takungan air yang besar di Ulu Selangor yang saya dapat tahu termasuklah di kawasan Pertak, satu tempat yang diadakan latihan belia-belie akan ditenggelami air untuk dijadikan satu kolam yang besar.

Rakyat tahu ini, kerana ini masalah yang dihadapi oleh negara, masalah yang di hadapi oleh Kerajaan, terutama sekali apabila menghadapi zaman meleset seperti ini. Tetapi apa yang rakyat dukacitakan, lepas sahaja pilihanraya, bil air, tunggakan dari tahun 1981 sampai 1985, orang kampung kena tunggakan bil air \$400; \$600;

\$800. Ini berlaku di Kuala Langat, di Kelang dan berlaku di beberapa tempat yang lain. Kata kita sudah menggunakan satu sistem komputer untuk membaca meter air ini, tetapi masih juga orang datang dan masih tulis juga, "Pakcik, tunggakan ada \$280 dari tahun 1981 sampai 1985". Encik, tunggakan \$30". Ke rumah saya, "Yang Berhormat Tuan Haji ada tunggakan \$70," Saya kata, "Bila saya tidak bayar bil air?" Rumah saya kena, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata ini tunggakan tahun 1981 sampai 1985. Apabila kita pergi ke kampung, kita pergi ke surau, masjid, orang bercakap, "nasib baik bil ini datang selepas pilihanraya, kalau bil ini keluar sebelum 3hb Ogos, tidak tahu berapa undi yang lari.

Satu orang kampung di Kampung Olak Lampit, saya dapat tahu bil tunggakan airnya \$2,000. Kalau orang kampung menggunakan air \$2,000 selama tempoh 5 tahun, air yang dia hutang, di bawah rumahnya banjir-lah. \$2,000 tunggakan, berapa juta galen ini? Ini tidak munasabah. Begitu juga dengan bil telefon yang pernah saya bangkitkan. Telefon saya pernah dipotong sampai tiga kali kerana ada tunggakan sampai \$300; \$400. Saya tiada hubungan business apa-apa. Hendak cakap ke mana? Cakap ke Amerika? Ke Sabah pun tidak, Bercakap dengan Yang Berhormat Tuan Kasitah Gaddam pun tidak pernah. Macam mana bila telefon saya boleh naik sampai \$300. Saya biarkan. Apabila saya biarkan, telefon saya dipotong. Satu hari Yang Berhormat Puan Hajjah Rahmah hendak kontek saya, hendak suruh kempen pilihanraya, "nombor yang anda dail sedang dipotong sementara". Tidakkah malu **[Ketawa]**

Setiausaha Dewan Negara, Tuan Haji Abdul Rahim sendiri telefon rumah saya, "nombor yang anda dial dipotong sementara kerana belum dibayar". Seorang Ahli Dewan Negara tidak bayar bil telefon. Bukan saya tidak bayar tetapi tidak munasabah, kerana saya tidak menggunakan telefon sebanyak itu. Biasa telefon, saya kena \$40, \$50, \$60 palir tinggi \$90. Kerana saya tahu had yang dibenarkan oleh Parlimen dan saya tahu berjimat, telefon yang saya gunakan untuk urusan Kerajaan sahaja. Anak saya hendak guna telefon saya kata "ke mana? hendak cakap dengan siapa? Telefon kita Kerajaan bayar, nanti kalau Dr. Mahathir tahu bil telefon kita lebih bapa kena." **[Ketawa]** Tetapi apabila kita tanya, rupa ada cerita. Apabila telefon kita "ring-ring" kita angkat, tidak ada siapa bercakap. Ada cerita, Tuan Yang di-Pertua. Kata ada orang curi line kita. Betul, curi talian kita. Apakah benar? Perkara ini sudah berapa kali kita bangkitkan dalam Dewan ini sehingga ada orang kampung yang berhutang bil telefon sampai \$1,000. Tidak munasabah orang kampung kena sebanyak ini. Orang kampung biasanya menerima panggilan sebab hendak bercakap tiada. Hendak tanya harga kopi naikkah, harga kelapa naikkah, tidak ada. Dia hanya terima panggilan kecemasan, ini sahaja kemudahan telefon di kampung. Tetapi kalau orang kampung sampai bil telefonnya melompat sampai \$1,000 tidak munasabah.

Jadi, dalam hal yang semacam ini, adakah Kerajaan menyedari atau sedar masalah-masalah kecil semacam ini yang menjadi rungutan kepada orang ramai. Jadi, apa yang saya harapkan daripada \$222,571.900 yang diminta Dewan ini untuk meluluskan kerana sudah dibelanjakan kita berharap supaya projek-projek kecil, kemudahan

asas, ekonomi dan sosial dan keagamaan di bandar dan di luar bandar diteliti dengan sebaik-baiknya, dibuat dengan hati-hati. Projek kecil juga apabila dekat pilihanraya orang minta pondok perhentian menunggu bas. Boleh dikatakan sepanjang jalan kita tengok pondok bas semua baru, dengan atap asbestos, tiang besi. Dua bulan kemudian tinggal tiang sahaja, atap sudah terbang. Negeri kita tidak dilanda puting beliung. Kalau atap rumbia barangkali terbang munasabah. Ini asbestor boleh terbang tinggal tiang besi sahaja. Masuk bulan yang keempat tiang besi itu pun hilang, tinggal bangku sahaja. Ini berlaku.

Tadi sudah timbul cerita masalah conteng papan-papan nama, conteng papan-papan kenyataan, nama-nama kampung. Sehingga ada nama kampung yang tulisan "B-u-l-o-h"; "I" dia itu ditukar jadi "t"; itu hurufnya. Jadi daripada Kampung "Buloh" pergi Kampung "Bu...." Ini kerja anak-anak kita yang pandai hasil Kurikulum Baru. [Ketawa] Dia kikis huruf *itu*, ditambah sedikit. Kalau setengah tempat dia padam dengan cat penyembur. Ini berlaku di Temerloh, berlaku di Batu Pahat, berlaku di Melaka yang tulisan jawi pula yang dipadam. Ini anti tulisan jawi. Ini semua kena fikir, Tuan Yang di-Pertua. Benda ini semua saya percaya menjelang pilihanraya melalui peruntukan inilah, iaitu peruntukan infrastruktur, kemudahan asas, sosial dan sebagainya dibuat oleh Kerajaan. Jadi, ini ke mana perginya pengetahuan sivik kepada anak-anak muda kita.

Jadi, di bawah JPM ini ada Jabatan Perpaduan Negara. Tentu ada program-program yang tertentu, saya minta Jabatan Perpaduan Negara ini cuba mengalihkan fokusnya kepada macam mana hendak menanamkan fahaman sivik kepada anak-anak muda kita dari semua kaum, supaya

perkara ini tidak berterus-terusan nanti pondok bas hilang, ganti baru, duit lagi tahun depan minta belanja tambahan. Papan kenyataan, hilang tulisan panggil kontraktor buat baru tahun depan minta lagi tambahan belanja. Sudah buat, kita luluskan. Kemudian dalam pada itu termasuk juga dikatakan Ahli Yang Berhormat Menteri tadi dalam \$222 juta mengenai hal-hal yang ada hubung kait dengan keagamaan. Saya percaya ini termasuk juga kerana ianya perkara yang baru berlaku pada tahun 1986 iaitu kelas-kelas tasmi' di masjid-masjid yang dibayar \$30 satu jam kepada guru-guru agama sekarang ini dengar cerita ada 2,000 lebih tempat dan akan dicukupkan hingga 6,000 buah mesjid diadakan kelas-kelas tasmi' ini untuk memakmurkan masjid lepas maghrib hingga waktu isyak.

Saya minta kepada Jabatan Perdana Menteri supaya meneliti perjalanan kelas-kelas tasmi' ini kerana daripada sekian ribu kelas, daripada jumlah sekian ratus ke sekian ribu guru yang diambil ada macam-macam cerita yang berlaku hingga di Selangor terpaksa kelas tasmi' ini diberhentikan beberapa bulan kerana di dalam kelas tahmir itu bukan lagi mengajar fardhu ain bukan lagi menerangkan masalah hukum-hukum supaya orang lebih faham dan lebih mengetahui, dalam kelas itu mengecam Kerajaan, ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Mereka mengecam Kerajaan, menghina melalui kelas-kelas tasmi'. Dan ada setengah kelas-kelas tasmi' ini pula semata-mata berjalan untuk mendapatkan habuan \$30 ini kita kena hati-hati dan kepada JPM Bahagian Hal Ehwal Agama supaya dapat mengkaji, kelas ini baik, anjuran ini baik, berpahala orang yang menganjur ini. Tetapi dalau kita hendak mencari pahala, hendak mencari manfaat, memberi manfaat kepada rakyat kita sesuai dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita kena berhati-hati supaya di dalam manfaat itu

tidak timbul bahaya yang akan menikam diri kita.

Kemudian, di dalam soal keagamaan, sama ada membina rumah-rumah ibadat, surau, madrasah, membaiki mesjid dan sebagainya; satu masalah jangan kita lupa ialah alat untuk menyampaikan kepada orang ramai ialah kitab. Kalau hanya guru-guru sahaja membaca satu kitab sedang orang yang mendengar tidak tengok kitab, dia bercakap sendiri apa yang diajar "berniaga buloh kasap, hujung hilang pangkal lesap." Minggu depan tanya balik sudah lupa.

Saya titikberatkan ini kerana Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri memperbanyakkan lagi risalah-risalah kecil untuk ditebarkan ke seluruh negara. Jangan dengan kertas yang mahal. Saya tahu sekarang ada keluar risalah-risalah itu tetapi dengan kertas yang mahal. Jadi apabila dikeluarkan dengan kertas yang mahal maha harganya satu buku yang kecil tentu mahal. Buat dengan kertas yang harga murah, harga yang sederhana, yang baik di hantarkan ke kelas-kelas tasmi'.

Begitu juga selama ini kita dengar Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri berusaha untuk membukukan hadis Rasulullah s.a.w. yang dinamakan "**Mastika Hadis**". Tetapi daripada zaman Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri menubuhkan Bahagian Agama ini sehingga sekarang hanya baru satu, belum bertambah lagi, "**Mastika Hadis**" yang berkulit biru. Kalau sudah ada tambahannya elok jugalah hantarkanlah kepada kami di Dewan ini supaya kami dapat pula mana tambahan yang baru.

Begitu juga dengan "**Tafsir Rahman**." "**Tafsir Rahman**" yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri, bagus. Tulisan jawinya kasar,

orang senang baca kerana ini penafsirannya dibuat sesuai dengan alam kita Malaysia. Apa yang saya nampak sekarang ini \$30.00 orang kampung khususnya pak Imam di sebuah masjid pun tidak mampu hendak beli, dengan harga \$30.00 satu tafsir Quran "**Tafsir Rahman.**"

Jadi, kalau dibuat baru serta dicetak baru balik semula dengan kertas yang agak rendah sedikit mutunya ataupun dengan kertas yang ada seperti itu tetapi harganya diturunkan supaya sekurang-kurangnya di setiap mesjid di seluruh negara kita ini ada menyimpan "**Tafsir Rahman**"; ada menyimpan "**Mastika Hadis**" sebagai rujukan pak Imam, pak Khatib...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf masa kita sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung perbincangan pada hari esok.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 5hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingma 24 adalah diberi di bawah ini]

KESESAKAN DALAM PENJARA

16. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan dalam penjara kita;
- (b) apakah Kerajaan akan menimbang untuk menghantar balik pendatang-pendatang haram yang kini ditahan dalam penjara; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan doktor-doktor yang melawat banduan-banduan dalam penjara untuk memberi perubatan.

12.12.1986

16. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil bagi meningkatkan keselamatan di penjara-penjara seluruh Malaysia, supaya tidak berulang lagi peristiwa pahit yang berlaku baru-baru **ini**.

19.12.1986

24. **Puan Hasanah binti Mohd.Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab yang boleh berlakunya peristiwa malang di Penjara Pudu (pada 18hb. Oktober 1986) yang membolehkan 6 orang banduan menahan 2 orang kakitangan Hospital Penjara Pudu menjadi tebusan. Adakah kerana kecuaiian atau kekurangan tenaga pengawal.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Oleh sebab beberapa soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perkara yang sama mengenai kejadian menahan dua orang tebusan di Penjara Pudu pada 17.10.86 yang lalu, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan Yang Behormat Tuan Paramjit Singh hari **ini**, Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim pada 12.12.86 dan Yang Berhormat Puan Hasanah bte Mohd. Kassim pada 19.12.86 sekaligus pada hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil untuk mengurangkan kesesakan di penjara-penjara. Langkah-langkah itu termasuk menahan penagih dadah di pusat-pusat pemulihan dan membina empat buah penjara baru.

Kerajaan telahpun menghantar balik pendatang-pendatang haram sebaik sahaja urusan penghantaran balik mereka dapat diperbuat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah keselamatan yang telah diambil bagi mengelakkan berulangnya kejadian seperti yang berlaku di Penjara Pudu baru-baru ini adalah seperti berikut:-

- (i) pegawai-pegawai Penjara telah diarahkan supaya lebih berwaspada dan meningkatkan kawalan keselamatan;
- (ii) pegawai-pegawai perubatan yang membuat pemeriksaan kesihatan ke atas banduan-banduan akan diiringi dan dikawal oleh seorang Peguasa Penjara dan tiga orang pegawai Penjara;
- (iii) banduan-banduan akan digari menunggu untuk tangan semasa menerima rawatan kecuali atas nasihat doktor;
- (iv) banduan-banduan yang menunggu untuk pemeriksaan akan ditempatkan dan dikawal di satu tempat berjauhan dari tempat pemeriksaan kesihatan.

PENDATANG HARAM - KEENGGANAN NEGARA KETIGA

17. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa sekarang ini Negara Ketiga enggan mengambil pendatang haram yang ada dalam negeri. Jika benar adakah Kerajaan bercadang menghantar mereka pulang ke negara asal mereka supaya ianya tidak menjadi bebanan kepada negara ini. Jika tidak kenapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: malah tidak benar bahawa negar-negara ketiga enggan untuk mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam dari Malaysia sekarang walaupun jumlah pengambilan kini berkurangan sedikit. Oleh itu, Kerajaan senantiasa berusaha untuk mendesak negara-negara ketiga baik secara langsung mahupun menerusi Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR) supaya memindahkan lebih ramai pendatang haram Vietnam dari Malaysia. Di samping itu kita juga telah merayu kepada negara-negara lain di Eropah Barat untuk memikul bersama beban antarabangsa ini dengan mengambil lebih ramai lagi pendatang haram Vietnam dari Malaysia.

HOSPITAL BARU BATU PAHAT

18. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kesihatan menyatakan selain daripada kemelesetan ekonomi apakah sebab Hospital Batu Pahat tergendala dan tertangguh pelaksanaannya. Bila kiranya hospital Batu Pahat akan dibuat keperluan 3 kawasan Parlimen di sana, iaitu P. Parit Sulong, P. Batu Pahat dan P. Seri Gading; jika pembinaan akan disegerakan di mana tapak projek tersebut dan berapa kosnya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Dalam membina sebuah hospital bagi sesuatu kawasan, Kementerian Kesihatan mengambil kira tiga perkara penting untuk membuat keputusan. Perkara-perkara tersebut adalah, analisa situasi kesihatan tempatan bagi menentukan keperluan kemudahan kesihatan dari segi kesesuaian dan bilangan penduduk, priority keseluruhan yang diberi dalam pertimbangan keperluan hospital baru di negara ini, dan keupayaan kewangan dari segi pembangunan dan pengurusan.

Walaupun keperluan hospital baru Batu Pahat tidak dipertikalkan, pertimbangan teliti oleh Kementerian Kesihatan tentang keperluan hospital baru di seluruh negara menunjukkan ada kawasan-kawasan lain yang lebih memerlukan sebuah hospital baru, terutama sekali di kawasan yang belum mempunyai sebuah hospital.

Selaras dengan urusan pemotongan peruntukan pembangunan bagi seluruh negara yang sedang berjalan sekarang, Kementerian Kesihatan tidak dapat meneruskan pelaksanaan hospital baru Batu Pahat dalam jangkasama Rancangan Malaysia Kelima. Namun demikian kalau pembinaannya diteruskan pada suatu masa nanti, tapak seluas 44 ekar yang terletak 4 km dari Bandar Batu Pahat di jalanraya menuju ke pekan Senggarang telahpun diperolehi untuk tujuan tersebut. Anggaran kos pembinaan hospital baru ini ialah \$50 juta. Sementara menunggu hospital ini didirikan, Kementerian Kesihatan sedang dan akan melaksanakan beberapa projek untuk memperbaiki lagi kemudahan di hospital sedia ada di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

PEMERIKSAAN KASTAM ATAS KENDERAAN THAILAND

19. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah sebabnya kenderaan-kenderaan dari Negeri Thai yang memasuki Malaysia melalui Bukit Kayu Hitam setelah diperiksa dengan teliti oleh pihak Kastam, lalu diperiksa oleh Pasukan Polis; dan
- (b) adakah langkah pemeriksaan ini membawa implikasi bahawa Kerajaan tidak yakin kepada pemeriksaan pihak Kastam.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Kenderaan-kenderaan dari Thailand diperiksa dua kali, adalah bertujuan untuk memastikan supaya jika seseorang terlepas dari pemeriksaan pertama, ia masih boleh dikesan di pemeriksaan kedua. Langkah-langkah ini adalah perlu memandangkan terdapatnya penyeludupan dadah dan senjatapi ke negara ini dari Thailand. Soal keraguan terhadap pemeriksaan Kastam tidaklah timbul.

PELAWAT ASING TINGGAL LEBIH MASA

20. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh kerana ramai pelancung-pelancung dari Taiwan, Hong Kong dan lain-lain lagi telah masuk ke negara kita di bawah visa pelancung, tetapi menghilangkan diri mereka di dalam negara kita apabila tamat tempoh visa mereka, adakah pihak Kementerian berjaya mengesan mereka itu dan apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap mereka yang masih bersembunyi di dalam negara kita sekarang.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mana-mana pelawat asing yang tinggal lebih masa di negara ini. Sepanjang tahun 1986, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya menangkap, mendakwa dan mengusirkan 1027 orang pelawat asing yang tinggal lebih masa. Dalam tempoh yang sama, seramai 287 orang warganegara Malaysia telah di-

dakwa mahkamah kerana didapati bersubahat dengan pelawat-pelawat asing yang tinggal lebih masa.

Selain daripada langkah-langkah penguatkuasaan yang sedang dilaksanakan sekarang, Jabatan Imigresen Malaysia bercadang untuk menggunakan komputer di pintu-pintu masuk ke negara ini yang bertujuan untuk mengesan serta merakamkan kemasukan dan keluaran semua pelawat asing dengan lebih efektif lagi. Adalah dijangkakan bahawa penggunaan komputer ini akan dapat mengesan dengan tepatnya mana-mana pelawat asing yang tinggal lebih masa di negara ini.

HARGA BARANGAN UTAMA - MENSTABILKAN

21. **Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara serta menstabilkan harga barang-barangan perusahaan utama.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan telah melaksanakan berbagai langkah untuk memulihkan ekonomi negara. Langkah-langkah ini adalah bertujuan mengukuhkan ekonomi negara secara menyeluruh, iaitu dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri, memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam dan imbalan pembayaran negara, serta mempergiatkan pertumbuhan sektor swasta. Langkah-langkah ini telah diterangkan secara terperinci dalam Laporan Ekonomi 1986/87.

Dalam Ucapan Belanjawan baru-baru **ini**, strategi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi juga telah dicadangkan. Strategi ini mengandungi langkah-langkah mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi, dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara menggalakkan pertumbuhan eksport, serta mengurangkan import, untuk memperbaiki imbalan pembayaran; dan memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta.

Mengenai soalan berkaitan dengan harga barangan perusahaan utama, harga barangan ini adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan pasaran dunia, di mana arah alirannya di luar kawalan kita. Namuan begitu, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah menstabilkan harga. Langkah-langkah ini termasuklah menstabilkan harga getah melalui penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, mencari pasaran baru serta memperkukuhkan pasaran yang sedia ada, meningkatkan khidmat nasihat teknikal kepada negara-negara pengguna barangan utama Malaysia dan mempergiatkan penyelidikan bagi mempelbagaikan kegunaan barangan utama Malaysia.

Walaupun barangan utama masih merupakan sebahagian besar daripada hasil eksport negara, usaha-usaha telah dan akan terus diambil untuk mempelbagaikan struktur eksport kita ke arah menggalakkan eksport barangan perkilangan, supaya kestabilan ekonomi negara tidak terlalu bergantung kepada eksport barangan utama.

PERKAHWINAN CAMPURAN

22. Tuan Ng Ah Poi minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perkahwinan campuran antara kaum-kaum yang menganuti agama yang berlainan akan digalakkan dalam masyarakat kita yang berbilang kaum ini dan membenarkan mereka menganuti agama pilihan mereka sendiri masing-masing selepas perkahwinan supaya matlamat satu bangsa satu bahasa dapat dicapai, ataupun Kerajaan mempunyai langkah lain yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat tersebut.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak bercadang hendak campurtangan dalam urusan peribadi rakyat untuk memilih jodoh pasangan hidup mereka dan Kerajaan tidak fikir tindakan ini adalah satu langkah yang praktikal bagi maksud pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu. Sebaliknya Kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar yang telah digubal bagi mencapai matlamat mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu itu iaitu dasar pelajaran kebangsaan, dasar bahasa kebangsaan dasar kebudayaan kebangsaan dan dasar ekonomi negara.

PENGEDAR DADAH YANG DIBERKAS

23. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah sebenar kumpulan pengedar dadah di negara ini termasuk pengedar antarabangsa yang telah dapat diberkas dan berapa bilangan mereka yang telah menjalani hukuman.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 6,491 orang rakyat tempatan dan 876 orang rakyat asing telah ditangkap berhubung dengan kegiatan mengedar dadah di bawah berbagai undang-undang di negara ini yang mana pecahannya seperti berikut:-

- 1.1 Akta Dadah Berbahaya 1952**
 - Seksyen 39A - 1,843
 - Seksyen 39B - 2,603

- 1.2 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985**
 - Seramai 359

- 1.3 Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencecah Jenayah) 1969**
 - Seramai 2,562

Sehingga kini seramai 133 orang telah dijatuhkan hukuman mati dan 265 orang telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan sebat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah orang yang ditajuhkan hukuman mati, seramai 41 orang darinya telah menjalani hukuman gantung. Sementara itu kesemua pengedar-pengedar dadah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencecah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah ditahan di Pusat-pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak, Muar dan Batu Gajah.

LAWATAN KE CHINA - TEMPOH MASA

24. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) tempoh masa biasa untuk sesuatu permohonan melawat ke Negeri China diproseskan sebelum keputusan diambil jika pemohon ialah:-
 - (i) berumur lebih daripada 65 tahun;
 - (ii) berumur kurang daripada 65 tahun;
- (b) memandang kepada tempoh masa yang begitu lama diambil, nyatakan sama ada tempoh masa untuk memproses itu boleh disingkatkan dan sekatan-sekatan atau "red tape" dapat dikurangkan.

Dato' Megat Junid bin Magat Ayob: Tempoh masa yang diambil bagi memproses sesuatu permohonan melawat ke Republik Rakyat China, tidak kira berapa umur pemohon, ialah diantara 2 hingga 4 minggu. Permohonan yang tidak dapat diproses dalam tempoh ini adalah kerana beberapa sebab seperti berikut:-

- (i) Maklumat yang dikemukakan oleh pemohon tidak lengkap dan apabila pemohon dihubungi untuk mendapat penjelasan atau maklumat tambahan, pemohon selalunya tidak ada di alamat yang dinyatakan di dalam borang permohonan;
- (ii) Kegemaran setengah-setengah pemohon mengemukakan permohonan melalui pihak ketiga. Pihak ketiga ini pula tidak dapat memberi penjelasan tanpa merujuk kepada pemohon, jika apa-apa maklumat tambahan atau penjelasan diperlukan;
- (iii) Jumlah permohonan yang banyak pada masa-masa tertentu.

Mengenai soalan (b) pula, sukalah saya menegaskan disini bahawa tempoh yang diambil untuk memproses permohonan melawat Republik Rakyat Cina telahpun dipendekkan berbanding dengan masa-masa yang lalu, dan tempoh sekarang adalah berpatutan dan tidak begitu lama. Masalah apa yang dikatakan atau 'red tape' dengan izin, tidak timbul sama sekali.